

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid IV

Bil. 7

Hari Khamis

21 Mei 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 (Ruangan
)

USUL:

**Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong**
- Y.B. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Ruangan
)

PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Pertama
Penggal Keempat
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M.,
P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K.,
J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik -
Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara/
Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen: Abdullah bin Abdul Wahab

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat

Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Supiah binti Dewak

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 21 Mei 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**KONVENSYEN ANTARABANGSA MENGENAI PENCEGAHAN
PENCEMARAN DARI KAPAL – MENGESAHKAN KEAHLIAN**

1. **Datuk Norjan binti Khan Bahadar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengapakah Malaysia belum mengesahkan keahlian untuk Konvensyen Antarabangsa mengenai Pencegahan Pencemaran dari Kapal (International Convention for Prevention of Pollution from Ship – MARPOL 1973/78); memandangkan banyaknya kes pencemaran akibat tumpahan minyak di Selat Melaka, tidakkah kerajaan bercadang untuk memohon dari Pertubuhan Maritim Sedunia (International Maritime Organisation) untuk mengisytiharkan Selat Melaka sebagai 'Special Area'.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah mengesahkan keahlian untuk Konvensyen Antarabangsa mengenai Pencegahan Pencemaran dari Kapal (International Convention for Prevention of Pollution from Ship – MARPOL 1973/78) dan ianya berkuat kuasa di Malaysia

mulai 1 Mei 1998. Setakat ini belum ada apa-apa pendirian yang dibuat bagi memohon kepada International Maritime Organisation (IMO) untuk mengisytiharkan Selat Melaka sebagai 'special area', dengan izin.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah sejauh manakah pihak kementerian dapat mengesan dan menguatkuasakan undang-undang dari segi mengawal pencemaran laut?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, kawalannya dibuat daripada udara, laut dan bumi. Kapal-kapal terbang daripada TUDM memberi kerjasama dan menjalankan tugas-tugas rondaan dan apabila nampak sahaja kapal-kapal ini mencurahkan wastenya, alat-alat cemaranya ke dalam lautan, maka dia akan laporkan kepada pusat maritim di negeri Perak sana dan tindakan-tindakan untuk mengesan kapal-kapal ini diambil. Banyak jabatan yang memberi pertolongan seperti Jabatan Laut dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad.

Dato' Chet Singh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

USAHAWAN MALAYSIA MEMBAWA KELUAR RM10 BILION UNTUK MEMBELI HOTEL DI AMERIKA SYARIKAT – KEBENARAN

2. **Dato' Chet Singh [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah mekanisme dan pihak manakah yang berkuasa memberi kebenaran membolehkan seorang usahawan Malaysia membawa keluar RM10 bilion untuk membeli hotel di Amerika Syarikat seperti yang didakwa oleh Ketua Pemuda UMNO Malaysia, sedangkan wang sebanyak itu amat perlu digunakan dalam Negara. Siapakah usahawan yang dimaksudkan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyeru semua rakyat Malaysia serta syarikat-syarikat Malaysia supaya tidak memindahkan wang ke luar negara dengan sewenang-wenangnya bertujuan spekulasi bagi membantu usaha-usaha kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi dari segi nilai ringgit. Malaysia mengamalkan regim kawalan pertukaran wang yang liberal. Di bawah peraturan-peraturan kawalan pertukaran wang semasa, kebenaran secara am adalah diberikan

kepada pemastautin yang tiada memperolehi sebarang pinjaman tempatan untuk memindah dana ke luar negara. Mereka yang mempunyai pinjaman tempatan memerlukan kebenaran terlebih dahulu daripada Bank Negara Malaysia untuk memindahkan dana ke luar negara bagi tujuan pelaburan.

Kebeneran untuk memindahkan dana ke luar negara bagi tujuan pelaburan itu, seperti mana yang saya katakan tadi, hendaklah diminta terlebih dahulu daripada Bank Negara. Kebeneran hanya diberikan sekiranya pelaburan tersebut akan menambah keupayaan keluaran negara dan perolehan pertukaran wang asing.

Mengenai butir-butir terperinci mengenai sesuatu pindahan ke mana-mana pihak oleh seseorang pelanggan sesebuah institusi perbankan tertentu adalah dilarang di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 untuk mendedahkan maklumat tersebut.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas penerangan yang diberi tetapi jawapan itu tidak sampai kepada maksud soalan yang dituju kepada pihak kerajaan iaitu soalan berbunyi “Seorang usahawan Malaysia membawa duit sebanyak RM10 bilion yang telah diiklankan oleh Ketua Pemuda UMNO Malaysia”. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan sebab jawapan itu tidak tepat kepada soalan, adakah kenyataan ini benar, sejauh mana siasatan yang telah dibuat? Kalau ianya benar, adakah usahawan yang berkenaan ini akan bersetuju menerima seruan kerajaan supaya sesiapa yang ada duit di luar bawa balik ke Malaysia.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi bahawa mengenai butir-butir terperinci mengenai satu pindahan kepada mana-mana pihak oleh seseorang pelanggan, dalam soalan ini, dilarang di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989. Jadi, saya tidak dapat memberikan jawapan yang khusus dan terperinci mengenai siapa dia dan sama ada betul atau tidak dan saya minta kalau misalnya Yang Berhormat yang bertanya ini ada maklumat, beritahu kepada kita.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah tiap-tiap wang yang keluar tentu ada yang

masuk. Sejauh mana senarai kerajaan untuk rakyat Malaysia membawa wang mereka masuk yang berjaya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, mengikut sistem laporan imbalan pembayaran berasaskan tunai oleh Bank Negara Malaysia, rakyat Malaysia telah menjual harta tanahnya di luar negara sebanyak RM147 juta pada tahun 1997 berbanding dengan jumlah pelaburan dalam sektor tersebut yang bernilai RM331 juta. Ini membolehkan kerajaan berjaya mengurangkan aliran keluar bersih bagi tujuan pelaburan hartanah di luar negara kepada RM184 juta pada tahun 1997. Ini sebahagiannya menunjukkan kerajaan telah sedikit sebanyak berjaya mengurangkan pelaburan rakyat Malaysia di luar negara dalam sektor-sektor yang kurang produktif seperti sektor hartanah. Ini juga telah dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Tuan Hanipah supaya dapat seruan kerajaan ini untuk mereka yang mempunyai wang, hartanah dan sebagainya di luar negara, dijual dan dibawa balik.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, semalam pengumuman telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan tentang pengecualian cukai kepada individu yang membawa balik wang. Sebagai langkah tambahan untuk menggalakkan pengaliran wang masuk ke Malaysia, semalam pada 20.5.1998, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya layanan pengecualian cukai yang telah diberi ke atas wang yang dibawa balik oleh sesebuah syarikat diperluaskan dan dipanjangkan kepada wang yang dibawa balik oleh individu pemastautin. Sebelum ini syarikat sahaja yang dibenarkan tetapi mulai daripada semalam dipanjangkan juga kepada individu pemastautin. Dengan ini bermakna seseorang individu yang membawa balik atau meremit ke Malaysia pendapatan yang telah diperolehi daripada luar negara tidak akan dikenakan apa-apa cukai pendapatan.

Bagi mendapatkan pengecualian cukai pendapatan yang dinyatakan di atas, individu berkenaan perlulah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan – Bahagian Analisa Cukai, Perbendaharaan Malaysia dan permohonan tersebut hendaklah menyatakan butir-butir mengenai individu yang hendak membawa balik wang ke Malaysia. Jadi, apa yang diperlukan ialah nama, nombor

kad pengenalan atau nombor pasport, dokumen yang membuktikan wang yang hendak dibawa balik berasal daripada luar negara, contohnya borang pemindahan wang daripada bank di luar negara kepada bank di Malaysia. Individu yang telah mendapat kelulusan pengecualian cukai pendapatan ini akan juga dikecualikan daripada mengisytiharkan pendapatan berkenaan di dalam borang nyata pendapatan yang perlu dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ini bermakna pengisytiharan yang perlu dibuat kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri hanyalah ke atas lain-lain pendapatan yang diperolehi oleh individu-individu berkenaan daripada punca di Malaysia sahaja.

Pengecualian cukai ini adalah diberi kepada pendapatan yang dibawa balik pada semalam sehingga 31.12.1998. Jadi, kita berharap dengan pengecualian ini akan dapat lagi memberi rangsangan yang positif kepada individu yang bermastautin di Malaysia untuk mengambil pulang bagi menikmati konsesi cukai yang disediakan oleh kerajaan dengan membawa balik ke Malaysia wang yang diperolehi daripada luar negara dan kita berharap langkah ini akan dapat membantu pemulihan ekonomi negara secara langsung atau tidak langsung di samping dapat meningkatkan keyakinan pelabur asing kepada ekonomi kita.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, usaha baik kerajaan itu saya ucapkan tahniah dan menyanjung tinggi kerana memberi kelonggaran untuk membawa duit daripada luar negara ke dalam negara kita tetapi kalau bawa daripada luar ke sini longgar, daripada dalam ini hendak keluar tidak longgar atau kita tidak ada sekatan, ini tidak memberi makna. Sekarang ini kalau kita bawa duit dari sini – saya boleh bawa RM10 juta ke luar negara dengan membawa tiga bag, misalannya. Kita tidak ada langsung sekatan sebab kalau kita pergi ke Australia sekalipun, kalau kita bawa 5,000 Australian Dollar, dengan izin, kita kena declare. Di sini tidak ada! Kalau kadar faedah bank naik di negara-negara jiran – interest ratenya naik, dengan izin, sudah tentu banyak yang membawa duit cash ke negeri jiran untuk hendak didepositkan di situ. Dari segi pelaburan, lain! Memang betul kata Yang Berhormat tadi, kita kena melalui Bank Negara. Ini yang bawa cash ini, banyak sangat bawa cash, simpan di bawah bantal dan sebagainya dibawa ke negara lain, tidak ada langsung sekatan.

Saya berharap kerajaan akan menyiasat perkara ini dan saya mencadangkan supaya duit cash yang kita bawa keluar kena ada sekatan, tidaklah berlaku sebagaimana apa yang berlaku yang kita tahu sekarang ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja duit cash boleh dibawa keluar tanpa sekatan, emas pun boleh dibawa keluar tanpa apa-apa sekatan. Jadi, oleh kerana kita di Malaysia mempunyai regim kawalan pertukaran yang liberal, jadi pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan dilihat kembali.

REFORMASI DI BIDANG PERTANIAN – PERANAN AGENSI

3. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Pertanian menyatakan: -

- (a) apakah peranan agensi seperti NAFAS, LPP, PPN, PPK, FAMA, MARDI dan sebagainya kerana ia telah gagal melaksanakan reformasi dalam bidang pertanian ke arah meningkatkan hasil pengeluaran oleh itu ia perlu dirombak dan dikaji semula supaya ia lebih berfungsi lagi; dan
- (b) sama ada sedar peranan dan sikap pegawai-pegawai LPP dan PPN cuba menguasai dan mempengaruhi Lembaga Pengarah PPK dan tidak selari serta akur dengan kerajaan negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, agensi-agensi seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, FAMA, MARDI dan Pertubuhan Peladang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen. Agensi-agensi tersebut dipertanggungjawab serta diberi kuasa untuk menjalankan fungsi-fungsi tertentu selaras dengan akta masing-masing.

Secara ringkas LPP berfungsi untuk mengukuhkan Persatuan Peladang supaya berdaya maju dan berdaya saing serta mengembleng, menyalur dan menggerakkan ahli peladang supaya menjadi aktif dan peladang komersial manakala Pertubuhan

Peladang pula berperanan untuk memajukan kepentingan ekonomi dan sosial ahli-ahli atau unit-unitnya.

Di samping itu, MARDI berperanan untuk menghasil dan mempromosi teknologi-teknologi pertanian untuk meningkatkan daya pengeluaran dan kecekapan bagi memodenkan sektor pertanian. Sementara peranan FAMA adalah mengawas pasaran untuk membolehkan harga yang berpatutan diterima oleh peladang-peladang serta membekalkan maklumat pasaran seperti harga dan kuantiti jualan barang-barang ladang untuk kegunaan peladang-peladang.

Adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa agensi-agensi tersebut telah gagal melaksanakan reformasi dalam bidang pertanian ke arah meningkatkan hasil pengeluaran. Umpamanya dari segi nilai, penglibatan pertubuhan peladang dalam pengeluaran makanan telah meningkat dari RM84.60 juta pada tahun 1991 kepada RM115 juta pada tahun 1996, iaitu peningkatan sebanyak 36.9%. MARDI pula telah berjaya menghasilkan penemuan-penemuan baru termasuk variety dan klon tanaman serta baka ternakan yang bermutu; teknologi pengeluaran bagi tanaman tertentu seperti sayur-sayuran, makanan ternakan, pengeluaran vaksin sampar ayam, puru ayam dan demam babi serta sistem integrasi ternakan lembu dan bebiri di bawah tanaman.

Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira cabaran dan keadaan semasa, pihak kementerian sedang berusaha mengkaji bagaimana untuk merasionalisasikan fungsi-fungsi agensi-agensi berkenaan supaya kecekapan dan keberkesanan mereka untuk memajukan pembangunan sektor pertanian dapat dipertingkatkan lagi.

- (b) Sebagaimana Yang Berhormat telah sedia maklum, pegawai-pegawai LPP yang ditempatkan di Pertubuhan Peladang sama ada di PPK atau PPN adalah untuk membantu Lembaga Pertubuhan Peladang

berkenaan meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pengurusan mereka. Pegawai-pegawai LPP juga berperanan sebagai pelengkap dalam melaksanakan keputusan yang dibuat. Oleh itu, di kalangan pegawai LPP terbabit tidak sepatutnya timbul sikap cuba menguasai dan mempengaruhi Lembaga Pengarah PPK dan bertindak tidak selari dengan dasar dan hasrat kerajaan negeri.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada jawapan Yang Berhormat tadi iaitu nilai RM84.6 juta sudah meningkat kepada RM115 juta. Saya ingin mendapat penjelasan, berapakah peningkatan jumlah kos daripada tahun sebelum itu kepada tahun yang berkenaan. Peningkatan nilai wajar diambil kira peningkatan kos sama.

Berkenaan dengan pegawai-pegawai LPP yang mempengaruhi, apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak kementerian untuk mengetahui apa yang berlaku sebenarnya di peringkat negeri dan peringkat PPK selain daripada laporan yang diberikan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, dari segi peningkatan kos dalam PPK, pengusaha-pengusaha PPK dan LPP tidak ada penambahan pegawai. Kita ada standard dari segi pegawai-pegawai diarah menjalankan tugas di PPK iaitu seramai lima orang, saya ingat. Yang lainnya dibayar oleh PPK sendiri dan dari segi ini peningkatan kos mungkin berlaku tetapi tidak begitu ketara.

Bagi menjawab soalan (b) iaitu saya pun tidak tahulah bagaimana. Kalau ada laporan-laporan tertentu, yang terperinci, saya ingat Yang Berhormat berilah laporan bertulis kalaulah ada pegawai yang bersikap sedemikian, beri laporan bertulis.

Tuan Long bin Jidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya tentang kedudukan Lembaga Pertubuhan Peladang. Lembaga Pertubuhan Peladang ini peranannya untuk lebih kepada aktiviti peladang, tetapi apa yang berlaku LPP ini lebih bersaing dengan kontraktor-kontraktor kelas F di daerah-daerah. Jadi, didapati mereka juga banyak mengambil kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor sedangkan peranan utama mereka terhadap pertanian sudah ditinggalkan. Begitu juga dengan FAMA, FAMA dilihat sudah pun mengambil

bahagian dalam kontrak-kontrak landscaping untuk pengindahan bandar-bandar. Adakah ini juga peranan mereka?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali ialah berkenaan LPP ataupun PPK mengambil bahagian dalam kontrak. Tuan Yang di-Pertua, kita selalunya memberi kemudahan kepada PPK untuk menjalankan kerja-kerja JPS untuk menggali, membaiki sungai, menebas sungai, itulah yang dilakukan sebab kita berpendapat bahawa kalaulah PPK ataupun peladang sendiri menebas sungai dan membersihkan sungai, sebab itulah digunakan oleh peladang sendiri, sebab itulah kita memberi kelonggaran berkenaan perkara ini. Jadi, mereka buat kerja untuk kebaikan mereka itu.

Berkenaan dengan FAMA dan landscape saya pun tidak pasti sama ada betul ataupun tidak, tetapi kalaulah Yang Berhormat beri laporan secara terperinci, saya akan mengambil tindakan ke atas perkara ini.

Tuan Ibrahim bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu peranan LPP dan PPN. Untuk itu saya hendak tahu di sini bahawa pegawai LPP yang dipinjam kepada PPN kedudukannya bagaimana cara untuk mentadbirkan PPN sama ada mereka itu mewakili pendaftar ataupun mewakili PPN untuk menjalankan kegiatan-kegiatan. Saya ingat itu jelas. Saya hendak tahu. Ada salah faham. Ada pegawai yang ditempatkan di LPP mengatakan dia duduk di PPN sebagai pendaftar. Jadi, kalau dia sebagai pendaftar kita hendak menjalankan kegiatan untuk PPN ini agak sukar fasal dia ada terhad.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, tentang pelaburan. Kadang-kadang agak bercanggah daripada LPP ini. PPN hendak memajukan sesuatu tetapi ada sekatan pula yang mengatakan begini, begini, apabila kita tanya seterusnya dia kata kita takut rugi, itu fasal sekatan tetapi yang untung dia tidak pertikaikan. Saya hendak tahu kedudukan yang sebenarnya PPN dan LPP.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini patut diberi taklimat khas, saya ingat. Senang sedikit sebab perkara ini panjang. Jadi, walau bagaimanapun.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jemputlah Yang Berhormat Senator Ibrahim datang ke kementerian dan berikan taklimat.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ya, sebab saya ingat Yang Berhormat Senator akan pergi ke Kementerian Pertanian pada 25 haribulan, kalau tidak silap saya. Walau bagaimanapun, saya boleh jawab sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan antara LPP dan PPN adalah PPN ialah Pertubuhan Peladang Negeri – tiap-tiap negeri ada pertubuhan peladang. Manakala PPK – kawasan, negeri dan Pusat, Pusat ini NAFAS. Dalam hal ini tidak terdapat perbezaan. Perbezaan ini cumalah LPP ialah sebagai pendaftar dan penyelia, manakala PPN menjalankan tugas bagi negeri. Bagi pelaburan, memanglah kita sebagai penyelia dan pendaftar kita hendak tentukan segala pelaburan PPK dan PPN hendaklah viable.

UBAT-UBATAN – KENAIKAN HARGA

4. **Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kebanyakan isu komersial mengenai ubat-ubatan jarang ditangani oleh Kementerian Kesihatan. Contohnya, kementerian ini telah berjaya menguatkuasakan peraturan tanda harga ubat di kedai ubat dan farmasi tetapi tidak di klinik swasta:

- (a) apakah peranan sebenar kementerian ini dalam menangani isu seperti kenaikan harga ubat di pasaran dalam negeri; dan
- (b) apakah kementerian ini menangani sebarang maklumat mengenai berapa sebenarnya yang dibelanjakan oleh rakyat untuk dapatkan bekalan ubat di sektor swasta.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Peranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam menangani isu kenaikan harga adalah dengan mempertingkatkan pemeriksaan ke atas tanda harga barangan yang dipamerkan untuk jualan bagi menentukan tiada kegiatan mencatut (profiteering) oleh peniaga-peniaga. Selain daripada itu, tindakan tegas undang-undang juga diambil terhadap peniaga-peniaga yang

memanipulasi dan mengelirukan harga. Berikutan dengan kegawatan ekonomi, harga ubat di pasaran telah meningkat di antara 5% hingga 30% disebabkan oleh kadar tukaran wang asing. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah untuk menangani kenaikan harga ubat, dan di antaranya ialah: -

- (i) menggalakkan penggunaan ubat-ubatan generik (buatan tempatan) disebabkan ianya lebih murah;
 - (ii) menggalakkan penggunaan ubat alternatif yang mempunyai kesan yang sama tetapi lebih murah;
 - (iii) menggalakkan syarikat-syarikat multinasional dari luar negara mengilangkan atau mengeluarkan ubat-ubatan berpaten mereka di Malaysia;
 - (iv) menggalakkan perkembangan industri farmaseutikal tempatan untuk menghasilkan bahan mentah bagi membuat ubat supaya ianya tidak bergantung kepada bahan-bahan yang perlu diimport; dan akhirnya
 - (v) mengadakan sesi dialog dengan pihak industri pembuatan ubat terbabit agar dapat menurunkan harga ubat sekiranya didapati harga ubat adalah tinggi.
- (b) Pada tahun 1977 jumlah penggunaan ubat-ubatan di pasaran tempatan adalah dianggarkan bernilai sebanyak RM1 bilion. Kementerian Kesihatan telah membelanjakan sebanyak RM240 juta ringgit untuk membeli ubat-ubatan pada tahun yang sama. Adalah dianggarkan sebanyak RM760 juta dibelanjakan oleh rakyat untuk mendapatkan bekalan ubat di sektor swasta pada tahun 1997.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, sejauh manakah kementerian dapat mengawal ataupun mengesan jualan ubat melalui jualan langsung yang

sekarang ini sudah menjadi cukup popular dan ini berlaku banyak penipuan kepada rakyat biasa.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebelum lesen jualan langsung dikeluarkan kepada mana-mana syarikat, jika syarikat itu bercadang untuk menjual barang-barang yang merupakan ubat, maka mereka perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan. Selepas mereka mengkaji barang itu dan apabila mereka memperolehi kelulusan, barulah lesen akan dipertimbangkan untuk dikeluarkan kepada syarikat yang bercadang untuk menjalankan urusan perniagaan jualan langsung.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu ada jenis-jenis ubat yang sangat diperlukan kerana ada jenis-jenis penyakit memang sangat ketara di kalangan penduduk negara. Soalan saya ialah adakah kementerian bercadang untuk membuat kajian tentang penyakit-penyakit tertentu ini dan seterusnya menjadikan ubat-ubat yang tertentu itu sebagai control item?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan merujuk perkara ini untuk pertimbangan kementerian berkenaan. Walau bagaimanapun, dari segi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kita juga peka mengenai perkara ini dan kita akan menyokong oleh kerana kalau kenaikan harga keterlaluan maka kita pun bercadang untuk berbuat sesuatu bagi melindungi pengguna.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan tambahan, saya mencadangkan supaya kedai-kedai ubat ini tidak dijaga ataupun diselaras di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sepatutnya diselaraskan di bawah Kementerian Kesihatan, sebabnya kementerian ini dia mengambil tahu mengenai kepentingan harga ayam, beras dan minyak. Jadi, dia terlupa harga ubat ini, yang ubat ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, is the basic need of the people especially the poor people in this country, termasuklah air, makanan dan ubat.

Jadi, sekarang ini di kedai-kedai ubat, kalau kita pergi ke Bangsar harganya lain, kalau pergi ke Kuantan harganya lain. Saya beri contoh Super Garlic misalnya yang mana saya makan, *[Ketawa]* itulah sebab kadang-kadang saya....

Tuan Yang di-Pertua: Ubat apa itu?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Super Garlic ini ialah untuk menguatkan, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Jadi, sebab itu saya kadang-kadang bercakap kuat sedikit. Tuan Yang di-Pertua, Super Garlic kalau dibeli di Kuala Lumpur harganya satu botol yang besar lebih kurang RM60, di Kuantan RM40. Ini satu contoh sahaja, boleh jadi tidak berapa tepat harganya oleh sebab kadang-kadang harganya naik dan turun. Jadi, perbezaan harga di kedai-kedai ubat ini sangat ketara. Oleh itu, mengapa pihak kerajaan tidak mengambil tahu harga-harga ubat seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Kamilia tadi, ada control item ubat-ubat yang penting yang dikehendaki khususnya orang miskin di kampung-kampung, sebab mereka sekarang ini pergi ke kedai ubat lebih daripada pergi ke hospital swasta sebab harga ubat terlalu mahal sangat.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalnya ialah soalan baik. Tetapi Super Garlic dan banyak barang yang menguatkan diri, barang-barang vitamin dan sebagainya kebanyakan yang memakannya adalah bukan orang miskin. *[Ketawa]* Baru-baru ini satu ubat Viagra *[Ketawa]* pun dikeluarkan di Amerika Syarikat itu pun orang miskin tidak berminat. Walau bagaimanapun, perkara ini suka saya menjelaskan dari segi harga ubat itu adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan buat masa sekarang. Barang-barang vitamin, kalau barang-barang itu diimport buat masa sekarang harga barang-barang itu bukan dikawal. Jika kerajaan mendapati bahawa perkara ini perlu ditimbang, maka Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan buat cadangan kepada jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai harga barang-barang perlu.

Buat masa sekarang tidak lagi, oleh kerana kebanyakan vitamin yang Ahli Yang Berhormat sebut adalah bagi golongan yang berpendapatan sederhana ataupun atasan. Tetapi masalahnya ialah mengenai barang-barang yang dikatakan

vitamin dan juga yang memberi kekuatan kepada manusia dari beberapa segi, itu adalah tidak merupakan sebagai satu masalah kepada masyarakat keseluruhannya.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan kepada siapa? Kepada Timbalan Menteri?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Kepada Timbalan Menteri sebab saya sudah bangun semasa Timbalan Menteri menjawab tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan tentang sebutan 'Viagra', adakah ianya sudah berada dalam pasaran masa sekarang, *[Ketawa]* dan kemungkinan kalau ianya ada dalam pasaran, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki akan menukar pembeliannya. *[Ketawa]*

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Viagra ini masih tidak terdapat dalam pasaran Malaysia. Jadi, saya menasihati pengguna dalam negara kita jangan ditipu oleh sesiapa yang katakan mereka boleh jual, Viagra itu belum lagi diperolehi, ianya masih diperolehi cuma di Amerika Syarikat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Yang Berhormat berkenaan dengan perkara Viagra. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah makan Viagra?

Dato' M. Mahalingam: Kalau belum saya boleh hantar kepada Tuan Yang di-Pertua, pun boleh. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, perkara ubat Viagra ini ialah ubat tablet Viagra yang didaftarkan oleh Food and Drug Administration USA adalah untuk rawatan 'mati pucuk', that is important. Syarikat Pfizer Malaysia telah mengemukakan permohonan untuk mendaftarkan ubat ini dengan pihak berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan Malaysia dalam bulan November 1997. Kedudukan permohonan ini adalah dalam peringkat ketiga akhir kursus pendaftaran. Pihak berkuasa Kawalan Dadah telah merujuk perkara ini kepada empat pakar klinikal untuk perdagangan. Keputusan permohonan bergantung kepada maklum balas pakar-pakar berkenaan dan juga buat pertimbangan ahli-ahli pihak berkuasa Kawalan Dadah. Keputusan pendaftaran dijangka akan diperolehi dalam tempoh masa enam bulan, ini be able to get selepas enam bulan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu adalah jawapan tambahan. *[Ketawa]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, iaitu yang tambahan. Apakah yang difahamkan dengan sebutan ‘mati pucuk’ tadi ada kaitan dengan Viagra. *[Ketawa]*

Dato' M. Mahalingam: Soalan dari Yang Berhormat saya kurang sedia, kerana sekarang saya volunteer jawapan ini. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Viagra yang develop by Pfizer Incorporation, dengan izin, ini saya dapat dari Komputer print out dari Internet pagi ini. *[Ketawa]* Viagra develop by Pfizer Incorporation, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, went on market after receiving Food and Drug Administration approved on 27 Mac. In the first three weeks of sale pharmacies fill and estimated 150,000 prescription nation wide. The Viagra pill cost about US\$8. Ini bagi orang important sahaja, bukan semua kes. Tetapi kita fikir sekarang di negara kita memang kita menggalakkan beli barang-barang tempatan. Kalau kita beri jualan selepas ini, saya ingat ‘Tongkat Ali’ mati. *[Ketawa]* Ini boleh jadi masalah juga. Jadi, kita mahu fikir semua perkara.

KEMENTERIAN BARU BAGI TELEKOMUNIKASI - LAPORAN AKHBAR

5. **Dato' Ghazi bin Haji Ramli** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan dengan terperinci mengenai laporan akhbar bahawa satu kementerian baru mungkin akan diwujudkan bagi mengawasi hal-hal telekomunikasi yang lebih “integrated”.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, amalan yang selaras dengan kedudukan undang-undang di negara ini ialah hak untuk menentukan penubuhan sesuatu kementerian terletak di bawah bidang kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan terpulanglah kepada budi bicara beliau menentukan keperluan untuk menubuhkan mana-mana kementerian. Suka saya memaklumkan bahawa perkembangan teknologi digital masa kini telah mengakibatkan tidak wujudnya lagi sempadan di antara sektor-sektor

telekomunikasi, penyiaran dan komputer, iaitu apa yang dikatakan proses percantuman (convergence) telah berlaku.

Memandangkan kepada percantuman ini, maka untuk melicinkan pengurusan sektor dan meningkatkan efisiensi, suatu usaha menyeluruh dan bersepadu mungkin diperlukan dalam merancang dan melaksanakan rangka-rangka kerja dasar, regulatory dan perundangan khususnya untuk memanfaatkan negara dari pelbagai faedah dan peluang yang muncul dari proses percantuman telekomunikasi, penyiaran dan komputer.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada maklumat Yang Berhormat Menteri tadi yang menyebut perkembangan teknologi digital. Pagi tadi kita mendapat maklum melalui televisyen di Amerika Syarikat sudah berlaku satu kegawatan pentadbiran disebabkan satelit yang ada itu telah beralih ke satu tempat yang lain. Apakah langkah-langkah kerajaan bagi mengatasi sebagai persediaan terhadap kemungkinan ini akan berlaku di Malaysia?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kegunaan information technology, dengan izin, dalam pentadbiran mana-mana negara ataupun syarikat memang berlaku sekarang dengan besar-besaran walaupun kita memerlukan pertambahan kemampuan kita sendiri dalam negara ini. Walaupun demikian, saya fikir kedudukan yang berlaku yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi tidaklah menjadi kesusahan bagi mana-mana negara untuk menentukan kegunaan IT dalam administration kerajaan.

BUKAN BUMIPUTERA MEMBELI SAHAM RIZAB BUMIPUTERA - PENGUMUMAN PERDANA MENTERI

6. **Datuk Khoo Keok Hai** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa orang bukan bumiputera boleh membeli saham yang dirizab untuk bumiputera sebanyak 30% dalam syarikat awam baru-baru ini, jadi bagi rancangan perumahan, bolehkah orang bukan bumiputera membeli peruntukan sebanyak 30% yang dirizab untuk bumiputera itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, kuasa melaksanakan dasar kuota 30% dalam sesuatu projek perumahan untuk bumiputera adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, kerana ini adalah berkaitan dengan tanah. Sehubungan dengan ini, terpulanglah kepada kerajaan negeri untuk membuat pertimbangan dan keputusan sama ada sesuai diberi kelonggaran kepada bukan bumiputera untuk memberi peruntukan sebanyak 30% yang dirizabkan kepada bumiputera.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kewangan menyedari bahawa ada kalangan pemaju-pemaju yang sengaja menidakkan kuota 30%, maksud saya dia katakan 'tidak ada, sudah habis.' Walhal bila kita siasat masih ada. Apakah kementerian mengambil tindakan dalam soal ini.

Yang kedua, apakah peranan dana Syarikat Perumahan Negara (SPN) untuk melaksanakan dasar kuota 30% rumah murah ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar mengenai perkara yang dikatakan itu. Oleh kerana itu, tiap-tiap negeri di bawah Unit Pembangunan Ekonomi ada membuat satu jawatankuasa di peringkat negeri dan ada juga di peringkat negeri yang mengumpulkan dana khas untuk perkara ini supaya dapat diberikan kepada bumiputera yang berhak untuk membeli 30% yang dirizabkan untuk bumiputera itu. Misalnya di Selangor, di Pahang, di Perak dan juga di Johor telah menguntukkan dana khas kepada agensi-agensi kerajaan seperti di Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor untuk membeli 30% yang dirizabkan kepada bumiputera dan selepas itu diberi sewa beli. Sewa beli ini bererti dia sewa sampai setakat harga RM25 ribu, selepas itu diberi terus kepada penyewa yang berkenaan.

Mengenai penubuhan Syarikat Perumahan Negara (SPN) yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan Negara 1997 dan 1998 dahulu kita dapati bahawa SPNB ini telah pun menukar sedikit cara *modus operandi*nya. Kalau dahulu SPNB membina sendiri rumah-rumah kos rendah di tanah-tanah kerajaan ataupun tanah-tanah milik pemaju yang disyaratkan supaya membina rumah kos rendah atau

SPNB membeli unit-unit rumah kos rendah yang dibina oleh pemaju swasta dan kemudian menjualkannya semula kepada pembeli dengan harga yang telah diluluskan oleh kerajaan.

Tetapi sekarang oleh kerana sektor pembinaan ini agak lembab, jadi kerajaan telah pun pada 27 April 1998 telah mengumumkan penambahan peruntukan daripada RM1 bilion kepada RM2 bilion dan perubahan fungsi yang dimainkan oleh SPNB, iaitu apa yang berlaku sekarang ini SPNB akan memberi peruntukan berkenaan kepada bank-bank kerana bank mempunyai mekanisme untuk mengambil balik duit. Selepas itu Syarikat-syarikat Perumahan Negara akan memohon kepada bank-bank berkenaan agar permohonan pembiayaan titian (bridge financing) akan dilakukan. Dengan cara ini, kita lihat bahawa rumah-rumah kos rendah diperlukan di dalam satu tapak itu sebanyak 20% dan rumah kos sederhana rendah 20% dan rumah kos sederhana 60%. Ini ialah kepada rumah yang RM150 ribu ke bawah. Jadi, dengan cara ini kita campurkan rumah kos rendah dengan rumah kos sederhana kita dapati melebihi 30%, iaitu 40%.

KAKITANGAN KERAJAAN MEMOHON BERSARA AWAL - JUMLAH

7. **Tuan Long bin Jidin** minta Perdana Menteri menyatakan sejak lima tahun kebelakangan ini jumlah kakitangan kerajaan yang memohon dan diluluskan untuk bersara awal dan jumlah ganjaran persaraan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kakitangan kerajaan yang telah diluluskan persaraan secara pilihan, dengan izin, optional retirement dari tahun 1993 hingga 1997 dan jumlah ganjaran yang telah dibayar kepada mereka adalah seperti berikut:

Tahun	Bersara awal (orang)	Ganjaran dibayar
1993	4,206	RM105.7 juta
1994	4,840	RM123.5 juta

1995	4,324	RM133.5 juta
1996	5,336	RM172.8 juta
1997	3,606	RM149.2 juta

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita mendengar kesatuan sekerja sama ada MTUC atau CUEPACS ada menyatakan sistem SSB membuka ruang kepada amalan rasuah dan nepotisme. Apakah pandangan pihak kerajaan terhadap kenyataan ini?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tidak ada kaitan dengan soalan asal.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tuntut faham kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana beberapa tahun yang lalu ada usaha kerajaan untuk menggalakkan kakitangan awam untuk bersara awal, untuk menyertai program pembangunan usahawan. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi gambaran dan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai setakat ini?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya benar bahawasanya persaraan secara pilihan boleh dipohon oleh kakitangan kerajaan yang berumur 40 tahun dan ke atas, tetapi kelulusan permohonan itu adalah tertakluk kepada sokongan daripada ketua jabatan. Kakitangan yang memohon untuk bersara bagi menyertai skim latihan dan galakan bagi kakitangan kerajaan untuk mencebur diri dalam perniagaan kecil yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan adalah dikecualikan. Oleh kerana keputusan ini baru dibuat oleh kerajaan, maka adalah terlalu awal untuk kita mendapat kesan ataupun reaksi daripada kejayaan program ini.

Tuan Tan Ek Huat: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu ramai kakitangan kerajaan ingin bersara awal tetapi kita dapati juga ada cadangan bahawa mereka tidak mahu bersara, hendak bekerja lebih lama. Jadi, apakah pandangan ataupun pendirian kerajaan tentang umur untuk bersara dilanjutkan kepada 58 tahun?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan usia perkhidmatan kakitangan

hingga 58 ataupun 56 tahun. Kerana pada ketika ini kerajaan merasakan bahawasanya sekiranya ada kakitangan ataupun pegawai kerajaan yang mempunyai expertise tertentu yang boleh menyumbangkan perkhidmatan kepada kerajaan, maka mereka boleh sambung semula perkhidmatan mereka. Contohnya, pada hari ini lebih daripada 4,000 orang guru, kalau tidak silap saya 4,700 orang guru yang mana perkhidmatan mereka masih digunakan dan mereka disarankan pada 55 usianya dan diberikan perkhidmatan tambahan sampai umur 60 tahun. Bermakna lebih daripada yang disuarakan. Ini dirasakan lebih adil kerana kalau kita adakan kemudahan yang sama bagi semua, iaitu kita panjangkan usia pensen sampai usia 58, saya rasa kerajaan kadang-kadang terpaksa terbeban dengan dead wood. Kalau ada dead wood kita tidak boleh buang. Tetapi kalau umur dia 55, kita ambil secara selective. Mana yang baik kita boleh beri perkhidmatan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, bebanan pensen kepada kerajaan adalah besar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pada tahun 1997 ini sahaja kita menjangkakan jumlah pensen dan ganjaran yang perlu dibayar oleh kerajaan ialah RM2.8 bilion setahun. Unjuran kita menunjukkan pada tahun 2010 umpamanya kerajaan akan menanggung pensen dan ganjaran sebanyak RM9 bilion bagi satu tahun. Ianya bukan satu angka yang kecil, jadi oleh itu, kerajaan mesti berhati-hati di dalam membuat keputusan bagi menyelamatkan dana negara.

HUBUNGAN DAGANGAN DENGAN MALAYSIA - JUMLAH NEGARA

8. **Tuan Zakaria bin Arshad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapa banyakkah negara di dunia yang telah menjalin hubungan dagangan dengan Malaysia dan negara manakah yang mempunyai urusan dagangan yang terbesar di antara negara-negara tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1997 Malaysia telah menjalin hubungan perdagangan dengan sejumlah 232 buah negara. Amerika Syarikat merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia dengan jumlah perdagangan bernilai RM78.2 ribu juta, iaitu sebanyak 17.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia.

IMPORT MAKANAN - JUMLAH PERANGKAAAN

9. **Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan bahawa perangkaan telah menunjukkan jumlah import makanan telah meningkat dari setahun ke setahun iaitu pada 1995, jumlah import sebanyak RM8 bilion, 1996 sebanyak RM9.2 bilion dan 1997 sebanyak RM10 bilion:

- (a) apakah langkah jangka pendek dan panjang kementerian untuk mengatasi masalah tersebut terutamanya di saat-saat negara menghadapi krisis ekonomi; dan
- (b) sektor pertanian telah banyak menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara. Oleh itu,, apakah langkah kementerian untuk menaikkan taraf bidang pertanian supaya menjadi industri yang berpotensi serta mempunyai nilai yang tinggi di mata masyarakat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin

Taib]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (a) Langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah peningkatan import makanan adalah seperti berikut:-
 - (i) **Langkah jangka pendek:**
 - (1) memperluaskan kawasan tanaman dan pengeluaran;
 - (2) mengurangkan kos input pertanian;
 - (3) meningkatkan kecekapan pemasaran;
 - (4) meningkatkan kualiti dan produktiviti;
 - (5) menggalakkan penglibatan dan pelaburan sektor swasta;
 - (6) menggalakkan orang awam dan institusi-institusi awam mengeluarkan makanan;
 - (7) memberi tumpuan kepada jenis-jenis tanaman tertentu sahaja;

- (8) mengadakan kerjasama antara kementerian dan antara Kerajaan Pusat dan negeri;
- (9) mengkaji semula dasar dan strategi pembangunan sektor pertanian.

(ii) **Langkah jangka panjang:**

- (1) meningkatkan kecekapan pemindahan teknologi;
- (2) mempergiatkan pembangunan sumber manusia;
- (3) mempergiatkan pembangunan infrastruktur;
- (4) menggalakkan industri hiliran makanan;
- (5) merasionalisasikan keutamaan aktiviti institusi-institusi sokongan pertanian;
- (6) mendapatkan sumber-sumber bekalan strategik (strategic sourcing).

Tiga strategik utama telah diadakan dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan hasil pengeluaran makanan:

- (i) melalui peningkatan pengeluaran dan penggunaan produk-produk tempatan secara meluas;
- (ii) meneliti semula nilai permintaan dan bekalan bagi produk-produk pertanian yang diimport dan menggantikannya dengan produk yang boleh dikeluarkan secara tempatan, tertakluk kepada faktor ekonomi, agroklimatik, daya maju projek serta jenis pengeluaran yang bermusim; dan
- (iii) mendapatkan bekalan alternatif daripada sumber pembekal yang lebih murah bagi bahan makanan yang tidak boleh dikeluarkan dalam negara disebabkan faktor ekonomi ataupun agroklimatik.

- (b) Langkah-langkah menaikkan taraf bidang pertanian supaya menjadi industri yang berpotensi dan mempunyai nilai tinggi di mata masyarakat adalah seperti berikut:-
- (i) meningkatkan produktiviti, kecekapan dan berdaya saing sektor pertanian dengan mengambil kira pembangunan mapan dan dihubungkan dengan pembangunan ekonomi negara keseluruhannya.
 - (ii) memperluaskan usaha-usaha liberalisasi sektor pertanian supaya mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa dan menembusi pasaran antarabangsa.
 - (iii) menggalakkan pembangunan bersepadu sektor pertanian dan perhutanan untuk mengatasi kekangan kekurangan sumber terutama tanah, tenaga buruh dan modal. Melalui pendekatan pembangunan bersepadu, asas pengeluaran kedua-dua sektor pertanian dan perhutanan dapat diperluaskan dan dengan itu menambahkan peluang-peluang pendapatan yang lebih tinggi kepada pelaburan dalam sektor pertanian dan perhutanan.
 - (iv) mengukuhkan hubung kait sektor pertanian dengan sektor lain, ekonomi terutama sektor pembuatan khususnya untuk membekalkan keperluan bahan mentah industri asas tani.
 - (v) adalah diharapkan melalui langkah-langkah ini imej dan keyakinan masyarakat terhadap sektor pertanian akan terus kekal dan dapat ditingkatkan lagi.

Dato' Eng Hoi Choo: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang mempunyai banyak dasar hendak meningkatkan pengeluaran pertanian, dan mempunyai agensi-agensi yang berbagai seperti FAMA contohnya. Dahulu kita lihat banyak pisang emas dieksport, manggis dieksport ke Jepun dan juga betik Hawaii dieksport banyak ke luar negeri. Tetapi saya tengok baru-baru ini

kita hanya banyak import buah durian Thailand di mana-mana tempat. Seperti mana Dato' Abdul Aziz katakan local fruit tidak ada tetapi buah-buah import banyak, sedangkan buah-buahan yang kita tanam tidak dieksportkan. Jadi, saya ingin bertanya soalan tambahan bagaimana agensi-agensi seperti FAMA satu agensi pemasaran kalau tidak memainkan peranan yang aktif bagaimana hendak menolong atau menggalakkan petani-petani kita untuk menambahkan produktiviti dan juga menguntungkan pertukaran asing?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat telah mengenenipkan peranan yang telah dimainkan oleh agensi kerajaan, seolah-olah pihak agensi kerajaan tidak membuat kerja mereka. Saya ingin menyangkal tanggapan Yang Berhormat itu. Walaupun FAMA diberi tugas, ia telah memainkan peranan yang begitu baik. Malahan dari segi pemasaran ikan, buah-buahan dan sebagainya kita telah pun menjalankan dengan baik. Malahan kita telah eksport walaupun eksport ke Jepun yang dikatakan tadi seperti manggis dan juga rambutan, dan kita juga eksport barang-barang kita seperti bunga orkid ke luar negara seperti ke Eropah dan sebagainya. Inilah perkara yang telah kita lakukan. Janganlah Yang Berhormat cuba hendak mengatakan mereka tidak menjalankan tugas mereka.

Satu perkara lagi memanglah kita import banyak dari luar disebabkan pertambahan penduduk yang banyak, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang orang kita citarasanya lain sedikit, dia hendakkan apel, orange, mungkin Yang Berhormat tahulah, mungkin Yang Berhormat beli apel dan sebagainya. Kalau rakyat kita makan benda-benda tempatan, insya-Allah, kita akan mulakan makanan lebih banyak lagi. Kalau kita tidak mahu makan apel, orange, grape fruit dan sebagainya tetapi hendak memakan manggis, sudah tentulah kita usahakan. Kadangkala di Kulim, di Baling tidak ada orang hendak kait buah manggis daripada pokok disebabkan harganya terlalu rendah sekali. Begitulah bagi FAMA kita telah menaikkan dari segi production, dengan izin, ataupun tempat pengeluaran dan seterusnya dikaitkan dengan makanan tempatan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih di atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang

Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Saya rasa perasaan kecewa yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kita dengar di luar, kerana kita melihat kebelakangan ini tanpa kita sedari kita telah import barang-barang makanan RM9 milion, sebenarnya mungkin naik dari tahun ke tahun. Cuma apabila kita....

Beberapa Ahli: RM9 bilion.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: RM9 bilion, maaf. Bila kita menghadapi kegawatan ekonomi barulah perkara ini disebut oleh semua orang. Dalam masa yang sama, negara kita merupakan negara yang mempunyai sumber dalam pengeluaran pertanian terutamanya tanah, air dan sebagainya. Bak kata orang 'campak sahaja benih, pokok hidup'.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah Yang Berhormat Dato' bersetuju kalau saya menyatakan bahawa untuk pengeluaran makanan dalam sektor pertanian ini memerlukan modal yang tinggi dan juga mempunyai risiko yang tinggi dan mendapat pulangan yang rendah? Jadi kelmarin kita mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa sektor swasta tidak berminat untuk masuk dalam bidang ini walaupun kita tunggu, tunggu, belum sektor swasta masuk pun, ia keluar balik sebab ia lihat bidang yang lain boleh memberi pulangan yang lebih besar.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan adakah pihak kerajaan bercadang untuk memberikan peruntukan yang lebih ataupun menimbangkan subsidi. Kalau sebut bahasa subsidi ini kadang-kadang kurang manis, mungkin ada bahasa yang lebih sesuai - membantu sektor pertanian ini boleh kembali bertenaga dan mengeluarkan makanan untuk rakyat di negara kita sekurang-kurangnya dan boleh kita eksport ke luar negara menggunakan sumber-sumber negara yang kita ada. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sebagai pegawai kerajaan yang terlibat dalam bidang sektor pertanian tentulah memahami keadaan ini sebenarnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Jadi [*Ketawa*] memahami sebab Puan Mastika adalah bekas pegawai pertanian di MADA dan tentulah lebih prihatin. Tuan Yang di-Pertua, kita ada

banyak rancangan, memanglah kita susah hendak sebutkan angka-angka di sini. Kita telah sarankan pihak swasta mengambil bahagian dalam penyediaan tempat pembiakan lembu - kerbau. Alhamdulillah, sekarang ini terdapat 30 buah pihak estet dan pihak swasta yang membela lembu lebih kurang 124 ribu ekor lembu telah dibela di kawasan estet-estet yang tertentu. Jadi Alhamdulillah, memanglah risiko tinggi kalau datang penyakit tentulah akan habis semua. Tetapi apa yang saya hendak katakan ialah kerajaan memang serius dalam perkara ini dan sebab itulah kita menambahkan, memperuntukkan modal keseluruhannya RM300 juta untuk Tabung Makanan (3F). Dahulu kita telah meningkatkan RM300 juta kepada RM600 juta dan RM100 juta hinggalah kepada RM1 bilion sekarang ini.

Jadi inilah kita harap pihak swasta termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam sektor swasta untuk tampil ke hadapan sebab kita dalam (3F) ini, yang digunakan sekarang ialah lebih kurang RM301 juta sahaja. Lain-lain tidak ada dan kebanyakan yang ambil bahagian ini ialah yang bukan bumiputera. Yang RM300 juta ini bukan bumiputera yang banyak ambil. Itulah yang kita kena ambil tindakan. Kalau boleh saya menyerulah kepada Yang Berhormat yang berminat berkecimpung dalam sektor pertanian, ambillah peluang ini dan bantulah kerajaan. Terima kasih.

Dato' Eng Hoi Choo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan sedikit lagi. Saya hendak tanya adakah Kementerian Pertanian mencadangkan bagi membatalkan import durian dari Thailand kerana durian Malaysia itu adalah berjenis-jenis. Ada dua musim. Dalam setahun cukup untuk rakyat Malaysia untuk memakannya. Lagipun buat masa ini Kementerian Pertanian juga menggalakkan banyak tanaman sayur-sayuran hidroponik dan saya juga dapati ada juga import sayur-sayuran. Kalau hendak menggalakkan tanaman hidroponik. Adakah kementerian tersebut bercadang membatalkan import sayur-sayuran.

Seorang Ahli: Durian hidroponik mana, durian hidroponik?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, buat sementara waktu ini kita tidak boleh sekat import sebab pengeluaran kita tidak cukup, Yang Berhormat. Kalau kita sekat sudah tentulah ada yang tidak makan kobis, tidak makan cauliflower.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, durian misalnya walaupun kita import tetapi kita juga eksport. Jangan salah faham. Kita eksport ke Singapura dan inilah citarasa yang berbeza di antara satu sama lain. Ada yang suka jenis panjang, ada yang suka D24, ada yang suka hak Siam, ada yang suka hak Malaysia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah yang kita perlu kaitkan dengan pengeluaran dan permintaan. Saya ingat saya sudah menjawab ini dan sama-samalah kita percaya durian masih tidak cukup lagi kalau dibandingkan dengan permintaan. Tahun ini mungkinlah disebabkan hujan tidak ada kami telah dapati bahawa bunga durian luruh, jatuhlah. Itulah Tuan Yang di-Pertua, saya jawab. Terima kasih.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi?

Tuan Yim Chee Chong: Satu minit sahaja soalan tambahan tentang durian.

Tuan Yang di-Pertua: Okay.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, durian dari negara Thailand dan Malaysia. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju dengan pandangan saya bahawa durian Malaysia lebih sedap daripada durian negara Thailand. Jadi biarkan dia masuk kita banding antara satu sama lain. Ini buah 'buatan' Malaysia, ini buah tempatan lebih baik daripada luar.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Betul atau tidak Yang Berhormat Dato'?'
[Ketawa]

Dato' Abu Bakar bin Taib: Kadang-kadang itu ya pun ada, tidak pun ada sebab terpulanglah kepada citarasa seseorang. Ada yang suka orang Thailand, ada yang suka orang..... macam kitalah

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Seorang Ahli: Barang Thai.. *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tidak habis jawab lagi.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sendiri suka citarasa yang mana? Buah tempatan ataupun buah durian yang diimport dari Thailand? *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya suka durian D24.

Terima kasih. *[Ketawa]*

**BIRO BANTUAN GUAMAN NEGERI SARAWAK -
PENGAWASAN DI BAWAH PEJABAT KETUA MENTERI SARAWAK**

10. Datuk Michael Bong Thiam Joon minta Perdana Menteri menyatakan keberkesanan fungsi Biro Bantuan Guaman di negeri Sarawak setakat ini. Apakah ada cadangan untuk meletakkan pengawasan biro ini di bawah pejabat Ketua Menteri Sarawak tidak lama lagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Biro Bantuan Guaman di negeri Sarawak telah memberi perkhidmatan yang sewajarnya mengikut fungsi yang ditetapkan. Terdapat dua cawangan Biro Bantuan Guaman di Sarawak iaitu satu berpejabat di Kuching dan kedua di Miri. Bilangan kes-kes yang dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman, Kuching sejak ianya ditubuhkan pada April 1980 sehingga berakhir 1997 ialah sebanyak 5,720 kes. Manakala cawangan Miri pula yang ditubuhkan mulai Jun 1991 sehingga berakhir tahun 1997 ialah sebanyak 668 kes. Bilangan kes yang didaftarkan pada tempoh tiga tahun yang lepas adalah bertambah daripada setahun ke setahun. Kedudukan kes yang didaftarkan di Pejabat Biro Bantuan Guaman di Kuching dan Miri bagi tempoh tiga tahun yang lepas adalah seperti berikut:

- (i) untuk tahun 1995, 320 kes di Kuching dan 147 kes di Miri;
- (ii) untuk tahun 1996, 353 kes di Kuching dan 123 kes di Miri; dan
- (iii) untuk tahun 1997, 458 kes di Kuching dan 105 kes di Miri.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada cadangan untuk meletakkan Biro Bantuan Guaman di Sarawak di bawah Pejabat Ketua Menteri Sarawak.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya sedikit kepada kerajaan adakah baik untuk integrasi dan sefahaman antara peguam di Peninsular Malaysia, dengan izin dan juga dengan Sarawak. Adakah baik jikalau kita hantar peguam-peguam di sini ke Sarawak untuk membantu dalam Biro Bantuan Guaman, walaupun peguam-peguam

di Sarawak itu memang sudah cukup. Tetapi untuk mengadakan persefahaman, bertukar-tukar misalnya di Sarawak pun boleh datang bantu kami di sini di Semenanjung Malaysia.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pegawai-pegawai dari Biro Bantuan Guaman di Sarawak dan di Sabah, kebanyakan pegawai-pegawainya ialah peguam-peguam dari Intelligence of The Chambers dari Semenanjung Malaysia dan juga anak tempatan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini permohonan saya dari Perlis kerana saya difahamkan Biro Bantuan Guaman yang berada di Perlis tidak mempunyai pegawai yang cukup dan saya minta supaya pihak kerajaan dapat mengambil tindakan membekalkan seorang pegawai kepada Biro Bantuan Guaman Negeri Perlis supaya masalah dapat diselesaikan. Saya difahamkan pegawai yang ada sekarang ini dipinjam dari negeri Kedah untuk menjalankan tugas-tugas dan banyak kerja-kerja yang tidak dapat dijalankan mengikut jadual yang ada.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, pertama soalan ini keluar daripada soalan asal. Soalan asal adalah di negeri Sarawak tetapi tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kes-kes di Perlis bertambah dan memerlukan pegawai-pegawai dari Biro Bantuan Guaman, kita daripada Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman akan menambah pegawai-pegawai di sana nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah dimaklumkan oleh salah seorang daripada Yang Berhormat bahawa masa sudah cukup untuk pertanyaan-pertanyaan mulut. *[Ketawa]* Maka kita pergi kepada agenda yang kedua.

[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 11 hingga 43 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Kesembilan.” [20 Mei 1998]

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Kementerian Penerangan menjawab.

3.43 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin telah memberi pendapat bahawa RTM sanggup mengorbankan program yang baik untuk menyiarkan program yang ditaja. Dengan ini menurutnya, RTM lebih mementingkan wang dengan mengetepikan nilai-nilai yang boleh diperolehi daripada setengah rancangan yang ditaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat banyak program yang terutama bercorak maklumat dan pendidikan disiarkan oleh RTM tanpa penaja. Program-program agama seperti *Forum Perdana*, *Hal Ehwal Islam* yang disiarkan pada jam ‘Perdana’ dan siri pendidikan pada sebelah petang di TV1 tidak pun mendatangkan sebarang pendapatan hasil iklan. Program kanak-kanak, dokumentari dan majalah kurang menarik pengiklan namun disiarkan juga kerana kandungannya yang memberi manfaat kepada penonton. Bukan semua

program yang diminati penaja dapat disiarkan oleh RTM kerana kandungannya yang bercanggah dengan nilai-nilai dan budaya negara ini. Filem-filem Blockbusters dengan izin, program bercorak muzikal yang merangsang generasi muda sememangnya menjadi hambatan para penaja yang bermotifkan bisnes semata-mata tetapi terpaksa ditolak siarannya walaupun boleh mendatangkan hasil yang lumayan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat RTM sentiasa sebagai agensi penyiaran kerajaan selain daripada menjalankan peranan yang dipertanggungjawab adalah juga dibenarkan menjual masa siaran untuk menyumbang kepada pendapatan kerajaan. Dengan pendapatan tersebut dapatlah RTM menggunakannya bagi tujuan menangani persaingan yang sengit dalam industri penyiaran.

Mengenai iklan bahasa Inggeris yang disentuh oleh Yang Berhormat yang sama, sebagaimana yang diketahui umum RTM mempunyai dua saluran iaitu TV1 dan TV2. Saluran TV1 dikenali sebagai Saluran Perdana yang menyiarkan rancangan-ancangan yang berbahasa Malaysia manakala TV2 pula dikenali sebagai Saluran Emas yang memperuntukkan rancangan-ancangan selain daripada bahasa Malaysia. Kedua-dua saluran ini mempunyai penonton sasaran tertentu yang mana telah menentukan bentuk rancangan serta siaran iklan yang boleh disiarkan melalui siaran terbabit.

Memandangkan saluran TV1 adalah bagi penayangan rancangan-ancangan serta iklan berbahasa Malaysia maka iklan daripada bahasa lain termasuk bahasa Inggeris dibenarkan disiarkan di saluran TV2. Iklan-iklan ini adalah untuk ditonton oleh seluruh rakyat Malaysia dan juga penduduk asing yang menetap di Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno telah menyarankan supaya saluran TV1 tidak dimansuhkan iklan untuk memberi ruang kepada mesej-mesej kerajaan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum TV1 dan TV2 adalah merupakan saluran milik kerajaan yang dibenarkan untuk mengutip hasil iklan bagi membantu pendapatan negara untuk dimanfaatkan kepada rakyat. Mesej-mesej kerajaan sentiasa diberi keutamaan siaran oleh kedua-dua saluran tersebut. Mengenai dakwaan terlalu banyak iklan yang disiarkan. Ingin saya memaklumkan

bahawa iklan yang disiarkan bagi setiap program disiarkan bagi TV1 dan TV2 adalah mengikut garis panduan yang diseragamkan kegunaannya dengan stesen TV yang lain. Jadi soal terlalu banyak iklan ini tidak timbul....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang minta lalu nampaknya.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat kerana dapat memberi laluan.

Banyak kali saya dengar Yang Berhormat jawab tadi bahawa TV1, TV2 menumpukan kepada kutipan iklan kerana hendak menampung pendapatan kerajaan. Banyak kali saya dengar. Saya tahu memanglah ada memberi sumber pendapatan untuk RTM tetapi saya jangka dengan kutipan tersebut apakah ia memadai mengorbankan dalam usaha membentuk identiti bangsa dengan menekankan bahawa iklan-iklan sepatutnya dalam bahasa Malaysia? Cukup sudah drama-drama dalam bahasa asing atau bahasa Inggeris. Kita menyokong bahasa Inggeris tetapi saya menyokong pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin dalam ucapan sulungnya yang menegur RTM dengan begitu kritis sekali dalam konteks membentuk identiti bangsa. Bagaimana bisa Yang Berhormat memberi reaksi kepada perkara ini? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali. Saya menyatakan di sepanjang mukadimah tadi bahawa walaupun TV1 dan TV2 diberi hak untuk mengutip hasil iklan namun kita tidak mengabaikan tanggungjawab kita untuk memaparkan nilai-nilai yang baik menerusi rancangan-rancangan seperti yang saya sebutkan iaitu contoh *Forum Perdana* dan juga pelbagai program yang langsung tidak memberi hasil kepada RTM. Namun kita membuat pendekatan bahawa perkara ini penting untuk penganut-penganut agama Islam yang perlu didedahkan dengan nilai-nilai yang baik dan ajaran agama Islam yang selaras dengan tuntutan agama rasmi kita. Maka kita memang dalam dasar kita untuk mewujudkan saluran siaran seperti *Forum Perdana* semata-mata untuk hendak memenuhi hasrat dan cita-cita negara kita untuk melahirkan generasi yang mempunyai moral yang tinggi. Untuk menyatakan bahawa kita tumpukan masa untuk mengutip hasil iklan adalah tidak benar walaupun seperti yang saya nyatakan tidak disekat rangkaian TV1 dan TV2

untuk mengutip hasilnya. Namun dengan adanya kutipan ini sedikit sebanyak boleh menokok tambah keperluan kementerian untuk menampung program-program yang kadangkala bila kita mengadakan contohnya, siaran langsung program-program yang dianjurkan oleh RTM, ia sudah pasti menelan belanja yang cukup banyak.

Dalam keadaan ini memang kita pasti kebanyakan peruntukan yang disalurkan menerusi Kementerian Penerangan adalah digunakan untuk memperbaiki infrastruktur yang ada seperti pemancar-pemancar yang amat diperlukan oleh tempat-tempat yang masih dilindungi oleh keadaan-keadaan yang tidak mudah diperolehi oleh rakyat untuk mendapat saluran dan siaran yang sepatutnya mereka perolehi.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman juga telah menyentuh....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ...

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Ada cadangan daripada rakyat oleh kerana RTM telah kutip iklan akan dihapuskan lesen RM24.00 yang dikutip tiap-tiap tahun ataupun sebaliknya saya ingin cadangkan boleh naik lesen daripada RM24.00 kepada RM30.00, RM40.00 kalau hendak duit sangat. Hendak bergantung kepada sumber ini sahaja tetapi rancangan-rancangan ini pastikan semua rancangan yang mempunyai identiti bangsa. Sebab saya mengatakan demikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana media elektronik ini penting dalam pembentukan identiti bangsa.

Kalau kita di satu pihak hendak membentuk masyarakat berdisiplin, bermoral, berbudaya, ada bahasa ibunda yang dipertahankan dan kita campur adukkan jadikan caca-marba. Saya kira orang confuse sebab itu saya cukup kagum bagaimana dasar negara Thailand, Indonesia dalam soal pembentukan bangsa ini. Jadi saya tidak boleh terima lagilah hujah Yang Berhormat mengatakan bahawa dengan menyebut satu, dua rancangan yang baik dengan cara hendak menghalalkan

program-program ataupun tindakan-tindakan lain termasuk iklan-iklan yang saya sebutkan tadi.

Saya menyanjung tinggi ada program-program yang baik seperti *Forum Ehwat Perdana, Warta Berita* dan seumpamanya. Walaupun laporan siaran persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara begitu sedikit sekali oleh kerana belum cukup kutip iklan. Hendak [*Ketawa*] beri ruang kepada Berita Perbincangan di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara tetapi saya belum dapat meyakinkan bahawa kutipan iklan betul-betul untuk menampung keperluan RTM. Sebab saya percaya sumber-sumber pendapatan lain untuk negara bagi menampung keperluan negara boleh diadakan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali membangkitkan beberapa perkara. Pertama mengenai dengan yuran/lesen TV, saya rasa perkara ini seperti yang saya sebut di dalam Dewan Rakyat bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk meluputkan lesen/bayaran yuran ini dan kita kekalkan kepada tahap RM24 setahun. Kalau dibanding dengan negara-negara lain, contohnya di Singapura mereka mengenakan hampir S\$120 dan United Kingdom mereka mengenakan hampir £378 setahun. Dan kalau dibanding dengan keadaan ini kita rasa sudah memadai yuran/lesen yang kita kenakan RM24 adalah cukup murah berbanding dengan tahun yang kita ada amalkan berpuluh-puluh tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, oleh kerana kita hendakkan supaya saluran ini memberi penekanan khusus kepada benda-benda yang seperti Yang Berhormat nyatakan, boleh, bukan tidak boleh, tetapi dalam pada itu tuntutan pelbagai pihak contohnya, kita hendakkan supaya drama juga dipaparkan juga, seperti *Spektra* dan sudah pasti drama ini kita memerlukan kewangan untuk membeli drama ini. Bukan murah berbanding dengan drama-drama dan juga filem-filem yang kita beli daripada luar dan oleh kerana desakan daripada keadaan untuk

kita hendak juga membantu industri perfileman di negara kita, kita terpaksa membeli drama-drama ini walaupun dalam keadaan yang begitu mahal.

Dan keadaan ini tidak membolehkan kita dengan memberi, kerajaan sentiasa memberi subsidi, peruntukan yang sedia ada yang disalurkan melalui Kementerian Penerangan hanya cukup untuk menampung pembiayaan pengurusan dan tidak cukup untuk menampung perbelanjaan pembangunan. Apatah lagi menyebut mengenai dengan pembayaran drama-drama dan pelbagai yang seharusnya kita hendakkan supaya program yang dituntut oleh pihak-pihak swasta.

Dan saya bimbang keadaan ini bahawa seakan-akan Yang Berhormat menyatakan bahawa RTM dalam keadaan ini, Kementerian Penerangan gagal langsung untuk menonjolkan nilai-nilai yang baik dan membentuk masyarakat di negara kita. Saya rasa dalam keadaan yang kita lihat pada hari ini, contohnya kegawatan ekonomi yang ada, salah satu negara yang cukup, berbanding dengan negara-negara yang lain, dengan adanya rusuhan, dengan adanya pemberontakan dan berbagai-bagai, sudah pasti Kementerian Penerangan menerusi saluran TV dan juga radio telah memainkan sedikit peranan untuk menyedarkan rakyat seharusnya bersama-sama dengan kerajaan. Selama ini kita dapat melihat bahawa rakyat masih lagi dan kita berharap akan ada kesinambungannya untuk bersama-sama dengan kerajaan untuk cuba mengatasi keadaan kemelut ekonomi.

Dan kita rasa keadaan budaya ini oleh kerana sedikit sebanyak siaran TV dan radio banyak memainkan peranan dan kita juga beranggapan bahawa sudah sampai waktunya bahawa kita mengadakan satu konsep borderles world. Masyarakat pada hari ini, anak-anak kita bila mereka akan keluar negara sudah pasti mereka akan terdedah dan dengan keadaan-keadaan ini seharusnya bukan hanya pendekatan seperti dengan media elektronik yang ada bahkan anak-anak juga harus ada ketahanan jiwa mereka, jati diri mereka, bukan mudah terpesong, bukan mudah terpedaya dengan keadaan-keadaan yang tidak baik. Kalau misalnya mereka melihat tontonan program yang tidak baik maka kita boleh dapat membezakan antara yang baik dan yang buruk. Jadi ini penting

Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang meminta laluan Yang Berhormat.

Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson: Yang Berhormat siaran komersial seperti iklan pun, komisen itu orang lain yang dapat, bukan RTM.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kita dapat bukan semuanya, sedikit sebanyak adalah sedikit, takkan kita hendak beri bila pungutan kita ambil semuanya, kita kena ambil dari ejen-ejen. Namun demikian hasil yang kita perolehi adalah disalurkan kepada Perbendaharaan, Kementerian Penerangan tidak boleh menggunakan keseluruhan kewangan sesuka hati. Bila kita perolehi contohnya kutipan iklan RM170 juta, duit itu akan disalurkan ke tabung dana negara iaitu Perbendaharaan.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman juga telah menyentuh lagu-lagu selingan termasuk lagu IT yang dikatakan tidak jelas mesejnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kempen-kempen kerajaan didapati lebih berkesan dengan menggunakan lagu bercorak song power dengan izin, seperti lagu setia, sejahtera malaysia, sukan KL 98' dan lain. Kempen kesedaran IT adalah agenda kerajaan yang sedang dilaksanakan dan wajar diberi publisiti yang meluas.

Mengenai gesaan Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli juga, supaya diadakan garis panduan untuk media elektronik agar tidak mendedahkan ancaman penggodaman seperti cerita yang menakutkan atau ancaman negatif terhadap usaha kerajaan dan mencadangkan supaya kempen IT berdasarkan budaya maklumat agar kesemuanya memahami. Kerajaan mempunyai mekanisme dalam menangani sesuatu isu, justeru itu ancaman penggodaman seperti kesan negatif IT, memangnya mendapat perhatian kerajaan dengan menghasilkan panduan-panduan untuk dilaksanakan oleh para aktivis. Contohnya penubuhan Lembaga Penapis Filem yang menapis kandungan bahan tayangan dan siaran, walau bagaimanapun sikap, jatidiri seseorang individu amat penting bagi menentukan sesuatu hala tuju.

Mengenai gesaan Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim agar media elektronik tidak menyiarkan berita negatif mengenai negara ini, seperti masalah air kerana kluatir ia memberi impak negatif ke atas Sukan KL 98'. Saya ingin menjelaskan bahawa media elektronik seperti juga media yang lain memerlukan kredibiliti dan juga objektiviti. Sesuatu laporan yang disiarkan seharusnya mempunyai nilai berita yang dipercayai. Jika tidak, penonton akan

berpaling kepada sumber yang lain. Apa yang dikesalkan berita yang sebenarnya telah diputarbelitkan oleh media asing demi untuk mencapai agenda tersembunyi. Sewajarnya kita bijak memilih slot dengan izin, supaya tidak terjebak dalam muslihat media asing.

Mengenai siaran Berita Tamil di TV2 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat S. Parasuraman a/l Sanasamy, untuk makluman Yang Berhormat, Berita Tamil sekarang disiarkan melalui TV2 pada pukul 5 petang setiap hari. Pada dasarnya RTM memang mempunyai perancangan untuk menukar penjadualan rancangannya kecuali Berita Perdana pada pukul 8 malam. Penjadualan rancangan ini dilakukan untuk memenuhi matlamat dan fungsi stesen sebagai alat kerajaan khususnya dalam mencapai matlamat menyediakan maklumat, mendidik dan menghibur. RTM sememangnya mempunyai perancangan untuk menukar siaran Berita Tamil dari waktu siaran sekarang pada pukul 5.30 petang atau jam 6 petang. Walau bagaimanapun memandangkan penjadualan semula siaran berita tersebut akan turut melibatkan rancangan-rancangan lain maka ia belum dapat dilaksanakan. Kementerian juga berpendapat bagi mereka yang tidak dapat menonton Berita Tamil maka bolehlah mengikuti perkembangan muktahir mengenai Malaysia menerusi Berita Perdana jam 8 malam atau Berita Akhir jam 12 malam.

Yang Berhormat S. Parasuraman a/l Sanasamy juga mencadangkan supaya Radio 6 RTM memperbanyakkan ...

Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada Ahli bangun Yang Berhormat.

Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson: Belum dilaksanakan permintaan siaran Bahasa Tamil. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Dewan Negara berapa kali sudahpun saya suarakan di Dewan yang mulia ini, warta beritalah yang paling penting bagi masyarakat India. Ini adalah kerana masyarakat India kebanyakan 65 peratus terdiri dari pekerja biasa, golongan pendapatan rendah, kerja estet, pekerja kilang-kilang. Saya fikir dengan sebahagian besar masyarakat India memahami Bahasa Tamil bukan tidak memahami bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia tetapi banyak memahami Bahasa Tamil dengan lebih mudah. Jadi isu-isu itu dapat disampaikan dengan lebih baik. Apa sudah jadi rugi RTM, jangan kira saya sudah

minta tidak boleh tukar lagi, saya rayu kepada Kementerian Penerangan. Oleh itu saya minta waktu siaran televisyen Berita Tamil selepas pukul 6 petang. Ini rayuan saya kali yang terakhir, lain kali saya tidak mahu bangun tanya. [Ketawa]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan, sememangnya kementerian mempunyai hasrat untuk meminda penjadualan semula siaran Berita Tamil, apa yang dirayu oleh Yang Berhormat seperti yang saya nyatakan, perkara ini akan diambil tindakan oleh pihak kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy tadi telah menyebutkan mengenai dengan cadangan supaya Radio 6 RTM memperbanyakkan rancangan berbentuk akademik dan siaran pada waktu yang sesuai. Pada masa ini Radio 6 sedang menyiarkan rancangan bertajuk *Di Kalangan Cendekiawan* pada jam 10 malam hingga 11 malam. Kalangan Cendekiawan yang terdiri daripada pensyarah dari institut pengajian tinggi dan maktab-maktab perguruan serta sekolah menengah dijemput untuk memberi penerangan tentang maklumat akademik dan penyertaan orang ramai melalui telefon pada setiap hari Isnin. Pada hari Ahad jam 5.30 petang, rancangan *Belia Bergerak Maju* untuk para belia yang mengandungi maklumat akademik dan kerjaya disiarkan. Rancangan ini mengutamakan kerjaya yang melibatkan Sains dan Teknologi. Pada setiap hari pukul 6 petang disiarkan rancangan yang memberi penerangan mengenai komputer dan MSC. Radio 6 dari masa ke semasa akan sentiasa mempertingkatkan lagi rancangan-rancangan yang berbentuk akademik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno telah mencadangkan supaya Kementerian Penerangan memberi pengecualian pembayaran lesen alat terima siaran TV bagi penduduk di kawasan yang tidak menerima siaran TV dan tidak mampu melanggan siaran berbayar. Cadangan untuk memberi pengecualian daripada pembayaran membayar lesen kepada penduduk di kawasan yang sekarang ini sukar untuk menerima siaran TV terrestrial dengan baik, belum dapat dipertimbangkan sekarang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sedang giat berusaha untuk meluaskan penerimaan siaran TV terrestrial di seluruh perlosok tanah air. Dalam

perancangan sekarang kawasan yang kualiti penerimaan siaran televisyennya kurang baik dikenal pasti sebagai kawasan terlindung dan kerajaan telah mengenal pasti sebanyak 39 lokasi yang mengalami keadaan ini di seluruh negara. Mengikut perancangan RTM semua kawasan terlindung ini akan dapat diatasi menjelang tahun 2000, apabila kerajaan siap membina stesen-stesen pemancar atau transmitterTV di lokasi yang terlibat.

Mengenai siaran Radio 7 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin, saya ingin memaklumkan buat masa sekarang, dialek yang digunakan masih dikekalkan di samping Bahasa Malaysia dan belum ada perancangan untuk menambah dialek atnik yang lain. Gelombang FM91.1 yang digunakan untuk memancarkan siaran Radio 7 hanya boleh meliputi sekitar 40 km Lembah Klang yang di pancarkan dari Menara Kuala Lumpur. Kementerian Penerangan memang ada perancangan untuk meningkatkan keupayaan pemancaran gelombang pendek yang digunakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran mengenai hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan. Semua pandangan dan teguran akan diberi perhatian sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan menjawab kemudian.

Timbalan Yangdi-Pertua: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil

bahagian serta memberi pandangan dan cadangan dalam perbahasan Titah Diraja khususnya terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman ada menyentuh mengenai masalah tahap pelepasan asap di kenderaan dan jentolak yang digunakan untuk tujuan pembalakan di hutan belantara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan belum lagi mengadakan peraturan mengenai pelepasan asap kenderaan jentera yang bukan beroperasi di atas jalan raya atau, dengan izin, off road. Peraturan yang ada pada masa ini hanya merangkumi kawalan pelepasan asap oleh kenderaan-kenderaan petrol dan diesel, yang beroperasi di jalan raya yang dilaksanakan melalui Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 yang mula dikuatkuasakan pada 1 September, 1996 dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 yang mula berkuatkuasa pada 1 November, 1996.

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno telah menyentuh masalah pencemaran alam sekitar di Sabah dan kesan El-Nino yang menyebabkan kemarau khususnya di Sabah. Untuk maklumkan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa mengawasi masalah pencemaran alam sekitar di negara ini termasuk di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada umumnya alam sekitar di negara ini tetap terpelihara dan pencemaran yang berlaku masih terkawal. Sungguh pun begitu kerajaan berpendapat bahawa masih ada ruang untuk mempertingkatkan usaha-usaha pemeliharaan, pencegahan dan pengawalan alam sekitar. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan terus melilipatgandakan usaha-usaha bagi mencegah dan mengawal pencemaran alam sekitar selaras dengan pembangunan negara yang pesat ini. Mengenai fenomena E-Nino pula, sukacita saya maklumkan bahawa mengikut laporan Jabatan Kaji Cuaca, kesan ini sebenarnya semakin berkurangan dan insya-Allah akan berakhir

pada bulan Julai ini. Adalah dijangkakan keadaan akan pulih seperti biasa selepas tempoh tersebut.

Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Garrohu meminta Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengambil berat tentang pencemaran sungai. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian saya memang sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap masalah pencemaran sungai. Antara usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan bagi mengatasi masalah ini adalah melalui:

- (i) program penguatkuasaan mis-mis yang mengeluarkan efluen ke dalam sungai-sungai di Malaysia dimestikan mematuhi standard-standard pelepasan yang ditetapkan di bawah peraturan kualiti alam sekitar. Kumbahan dan Efluen perindustrian 1979. Peraturan kualiti alam sekitar permit-permit yang ditetapkan untuk kilang getah dan kelapa sawit dan peraturan-peraturan untuk buangan yang terjadual,
- (ii) program pengawasan kualiti air dijalankan sepanjang tahundengan kekerapan yang ditentukan demi memastikan kualiti air sentiasa berada ditahap yang memuaskan dari aktiviti sungai-sungai akan dapat dikategorikan sama ada tercemar, sederhana tercemar dan bersih,
- (iii) program-program kesedaran sentiasa dijalankan di media massa dan juga di sekolah-sekolah supaya kepentingan dan keperluan menjaga alam sekitar disampaikan ke setiap lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim telah pula menyentuh mengenai penyelarasan di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri mengenai alam sekitar dan air untuk kepentingan awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyelarasan di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri mengenai isu-isu alam sekitar dan air dibuat melalui Mesyuarat Menteri-menteri dengan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar yang diadakan dua kali setahun. Melalui mesyuarat, ini kerajaan negeri dan juga pihak Persekutuan diingatkan supaya memberi perhatian

dan seterusnya mengambil tindakan bagi mengatasi masalah yang timbul dari masa ke masa. Melalui persefahaman ini, adalah diharapkan isu ini dapat di atasi dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan saya sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian serta mengemukakan pandangan dan cadangan di dalam perbahasan kali ini yang menyentuh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekiranya terdapat mana-mana perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat disentuh dalam ucapan saya ini, maka saya akan memastikan untuk memberi perhatian yang sewajarnya. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

4.10 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjawab.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng, Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Haji Abdul Rahim, Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, Yang Berhormat Tuan Parasuraman a/l Sanasamy, Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Kasim dan Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli telah mencadangkan penubuhan Majlis Perumahan Negara di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ala Majlis Air Negara bagi mengatasi masalah perumahan di peringkat nasional. Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya kementerian sedang menimbang perkara ini dengan mengambil kira keperluan perumahan negara jangka panjang dan keluasan tanah yang kian berkurangan. Untuk makluman juga,

buat masa ini sudah pun ada Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan dan lain-lain jawatankuasa peringkat pegawai yang boleh meliputi beberapa aspek perumahan.

Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim telah mencadangkan supaya Kementerian Perumahan menggubalkan satu dasar baru bagi mewujudkan iaitu konsep “perumahan pejabat” dengan memberi galakan kepada mereka yang bekerja di bandar mempunyai rumah di bandar. Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi dasar dan ..kerajaan untuk mengadakan perumahan yang secukupnya bagi membolehkan semua golongan rakyat mendapat kemudahan perumahan sama ada disewa atau dibeli di kawasan-kawasan yang dekat dengan tempat kerja mereka. Bagi mereka yang berpendapatan tinggi ini tidak menjadi masalah. Tetapi bagi mereka yang bekerja di bandar-bandar dan berpendapatan sederhana dan rendah, ini menjadi masalah memandangkan tanah-tanah di kawasan bandar bernilai tinggi dan amat sukar rumah-rumah dijual dengan harga yang mampu mereka membeli. Bagi mereka yang bekerja di kawasan-kawasan luar bandar, ini tidak menjadi masalah. Oleh itu kerajaan telah mencadangkan supaya di dalam bandar bagi mereka yang tidak mampu membeli rumah-rumah murah akan diwujudkan rumah-rumah untuk disewa, ini adalah satu cadangan yang baik.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah membangkitkan tentang kebakaran rumah setinggan dan usaha kerajaan mengawasi pembinaan rumah-rumah setinggan oleh pendatang asing tanpa izin untuk mengatasinya. Kerajaan memang memberi perhatian serius dalam perkara ini. Fenomena setinggan ini perlu dikawal dan dibantras oleh kerajaan negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk mengelakkan kawasan-kawasan tersebut dari berkembang dan menimbulkan masalah. Setinggan-setinggan yang terdiri dari pendatang-pendatang tanpa izin perlu diambil tindakan tegas dan menghantar mereka pulang ke negara asal supaya tidak merumitkan lagi masalah setinggan di negara ini.

Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng telah menyentuh tentang isu penswastan IWK yang mana telah membebaskan orang ramai. Di samping itu, persoalan tentang bila pengswastan IWK berlaku, nama syarikat yang pertama dipilih untuk menjalankan tugas tersebut, berapa kali IWK telah bertukar tangan dan apakah harga yang

dibayar oleh setiap syarikat baru yang membeli penswastaaan tersebut sehingga tahun 1998. Untuk makluman Yang Berhormat penswastaaan perkhidmatan pemetungan telah diswastakan kepada Indah Water Konsortium (IWK) sebaik sahaja perjanjian konsasi antara Kerajaan Persekutuan ditandatangani pada 9 Disember, 1993. Pemilikan saham dalam IWK yang melalui beberapa perubahan tetapi masih dimiliki oleh Prime Utilites Berhad dan kini Idris Hydrolic menjadi pemegang saham yang terbesar. Memang kerajaan mengakui bahawa pertukaran milik IWK adalah satu perkara yang tidak menaikkan imej IWK dan menimbulkan kemarahan orang ramai. Oleh yang demikian, kerajaan telah mengarahkan supaya IWK tidak dipindah milik lagi tanpa kebenaran kerajaan. Pemilik-pemilik IWK telah diarahkan menumpukan perhatian mereka bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi dengan orang ramai dan tidak terlalu memberi perhatian dalam soal penjualan konsesi.

Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman telah mencadangkan agar bidang kuasa pemuangan sampah ditukar daripada Jabatan Kerajaan Tempatan kepada Jabatan Alam Sekitar. Pengurusan pemuangan sampah adalah kegiatan Kerajaan Tempatan yang menyeluruh, dengan itu adalah wajar diuruskan dan dikawal oleh pihak berkuasa tempatan, lagi pun kerajaan telahpun membuat keputusan untuk menswastakan pengendalian pemuangan sampah di seluruh negara.

Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Kassim telah membangkitkan isu sistem pungutan sampah yang tidak mengikut jadual, sampah yang tidak diambil begitu lama berlonggok dan kontraktor mementingkan keuntungan semata-mata. Yang Berhormat telah mencadangkan supaya kontraktor yang mendapat kontrak mengangkut sampah diberikan latihan pengurusan supaya khidmat yang diberikan mencapai kepuasan pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedia maklum akan terdapatnya kontraktor yang dilantik oleh pihak berkuasa tempatan untuk memungut sampah yang tidak menjalankan tugas dengan sempurna. Dalam hal ini pihak kementerian kerap mengingatkan pihak berkuasa tempatan berkenaan agar mengawasi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor supaya lebih berkualiti dan

mematuhi kontrak yang diberikan. Untuk makluman Yang Berhormat, dengan penswastaan pengurusan pelupusan sampah dan sisa-sisa pepejal, tanggungjawab ini akan diambil alih oleh syarikat yang berkenaan. Namun demikian, kementerian ini mengambil perhatian mengenainya dan akan membangkitkan dengan pihak-pihak berkuasa tempatan dari masa ke semasa agar perkhidmatan yang diswastakan tidak mengalami masalah.

Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim telah mencadangkan supaya kawasan takungan air disediakan di setiap kawasan perumahan bagi tujuan pemadaman api di waktu kebakaran. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini takungan air di kawasan perumahan bagi tujuan pemadaman pembakaran belum lagi diperlukan kerana sememangnya kawasan perumahan telahpun disyaratkan pemasangan pili bomba.

Yang Berhormat Tuan Parasuraman a/l Sanasamy telah mencadangkan supaya semua pemaju perumahan menyediakan rumah ibadat untuk kaum India di projek-projek perumahan. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menyediakan garis panduan untuk rumah ibadat bukan Islam untuk diterima pakai oleh pihak-pihak berkuasa negeri dan tempatan dalam kelulusan projek perumahan di kawasan-kawasan masing-masing. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Pembangunan Luar Bandar menjawab.

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan turut membincangkan beberapa perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dalam perbahasan menjunjung kasih ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya sukalah mengambil peluang untuk menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh enam Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya mengenai program Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Baba membangkitkan perkara RISDA dan Koperasi Pekebun Kecil. Kedudukan ladang-ladang getah dan kelapa sawit di bawah Rancangan Tanam Baru Berkelompok adalah milik RISDA. Hak miliknya tercatat nama RISDA dan dibangunkan untuk memberi manfaat kepada peserta asal RTBB seramai 16,080 orang dan pekebun kecil umum. Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang dalam proses mengemukakan cadangan kepada Jemaah Menteri untuk menyelesaikan isu pengagihan kepentingan RTBB kepada peserta-peserta yang terlibat. Baki keuntungan RTBB akan digunakan untuk membiayai Rancangan Tanam Semula dan program pembangunan lain di masa depan.

Dasar semasa kerajaan ialah supaya agensi-agensi menuju ke arah sara diri, bukan sahaja dalam aspek membiayai belanja mengurus tetapi juga belanja pembangunan. Ini termasuklah juga usaha-usaha RISDA supaya Rancangan Tanaman Semula Getah dapat diteruskan menggunakan sumber ses getah dan sumber-sumber lain tanpa sumbangan tambahan daripada kerajaan. RISDA sebagai agensi yang bertanggungjawab menjaga kepentingan 420,000 pekebun getah di negara ini tentulah lebih berhak menguruskan ladang-ladang RTBB jika dibandingkan dengan koperasi ladang yang mempunyai bilangan ahli yang terhad.

Menyentuh mengenai Koperasi Pekebun Kecil gerakan koperasi yang merangkumi koperasi induk NARSCO di peringkat kebangsaan dan 64 buah koperasi pekebun kecil, di peringkat negeri dan daerah menjadi wahan kepada pembangunan masyarakat pekebun kecil. Koperasi-koperasi ini memiliki keahlian seramai 201,000 orang dengan saham terkumpul lebih kurang RM18 juta. Koperasi-koperasi ini menjalankan pelbagai bidang perniagaan terutama yang berkaitan dengan aktiviti pembangunan yang dijalankan oleh RISDA di samping menceburi bidang-bidang lain. Pada awal tahun 1980-an semasa penubuhan dan pelancaran koperasi-koperasi ini kerajaan telah memperuntukkan wang pelancaran sebanyak 20 juta.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno, setakat ini FELCRA telah mengenal pasti seluas 36,000 ekar tanah. Walau bagaimanapun daripada jumlah tersebut lebih kurang 2,600 ekar sahaja yang ada

hak milik. Manakala baki 33,000 hektar lagi masih dalam peringkat permohonan. FELCRA Bhd. yang melaksanakan proses menandatangani perjanjian bagi kawasan-kawasan yang telah ada hak milik iaitu di Kampung Karamutoi, Hulutan yang melibatkan seramai 160 orang peserta bagi kerja-kerja pembangunan tanah akan dilaksanakan setelah semua urusan mendapatkan persetujuan pemilik diselesaikan. Pembangunan atau pembukaan tanah ini tertakluk kepada potensi kawasan dan akan dibuka pada tahun-tahun yang akan datang. FELCRA Bhd. memerlukan lebih kurang 6,000 hektar bagi membina sebuah kilang kelapa sawit. Dimaklumkan bahawa Daerah Nabawan dan Keningau tidak ada kilang sawit dan yang terhampir ialah di Beaufort dan kos pengangkutan terlalu tinggi dan tidak ekonomik.

Mengenai isu penyelewengan pula, dakwaan berlakunya penyelewengan oleh tiga orang pegawai kanan FELCRA Bhd. masih di dalam penyiasatan Badan Pencegah Rasuah. Berkaitan dengan 165 buah rumah yang masih belum lagi menerima bayaran pampasan di bawah program pemulihan PPRT negeri Sabah, dimaklumkan bahawa pelaksanaan PPRT tidak melibatkan pembayaran pampasan seperti mana yang dinyatakan. Kementerian memberi bantuan secara langsung dalam memperbaiki atau membina rumah keluarga termiskin sama ada dilaksanakan secara gotong-royong atau mengikut peraturan kewangan seperti sebutarga atau tender. Sekiranya pampasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat merupakan tuntutan pembayaran pelaksanaan projek yang dimaksudkan di para satu, tuntutan pembayaran tersebut telah tidak dapat dilakukan. Justera berdasarkan kepada pandangan Pegawai Pembangunan Persekutuan Sabah di mana menurut beliau pelaksanaan projek perumahan PPRT tersebut telah dilaksanakan tanpa kelulusan pihak berkuasa serta tidak menepati peraturan dan prinsip kewangan yang ditetapkan oleh kerajaan. Di samping itu ianya akan menimbulkan implikasi dari syarikat dan individu yang akan menuntut bayaran berdasarkan kepada kadar baru bagi rumah PPRT yang dibina pada 1993 dan 1994 atau yang melaksanakan projek tanpa sebarang kelulusan atau tidak mengikut peraturan kewangan.

Walau bagaimanapun kementerian ini ada menerima tuntutan pembayaran sebanyak 20 unit PPR melibatkan kos bernilai RM110,000 dari Pejabat Daerah Keningau pada 3 September 1996 yang lalu. Kementerian ini selanjutnya telah

pun mengirimkan waran peruntukan bernilai RM110,000 tersebut kepada Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah pada bulan Mei 1997 bagi tujuan bayaran selanjutnya. Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah telah melakukan siasatan mengenai perkara tersebut dan mendapati hanya 18 unit PPR sahaja yang memerlukan pembayaran. Walau bagaimanapun memandangkan pelaksanaan projek tersebut telah dilaksanakan tanpa kelulusan pihak berkuasa serta tidak menepati peraturan dan prinsip kewangan yang ditetapkan oleh kerajaan maka tidak ada sebarang pembayaran yang dapat dilakukan selanjutnya. Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah seterusnya memulangkan kembali peruntukan tersebut kepada kementerian ini pada penghujung tahun 1997.

Dimaklumkan bahawa 3,823 buah rumah di bawah program pemulihan rumah PPRT Orang Asli yang dinyatakan tidak termasuk bilangan rumah yang dibina melalui program penempatan semula masyarakat. Program PPMS ini juga melibatkan projek pembinaan rumah PPRT di mana pada keseluruhannya setakat ini sebanyak 202 buah rumah baru telah dibina. Oleh hal yang demikian jumlah keseluruhan rumah yang telah dibina bagi keluarga termiskin Orang Asli ialah sebanyak 4,020 buah rumah. Kementerian ini berkeyakinan bahawa semua keluarga termiskin Orang Asli akan dapat menerima bantuan rumah PPRT menjelang tahun 2000. Ini berdasarkan kepada kadar pencapaian dan pelaksanaan rumah PPRT yang dilaksanakan oleh kementerian sehingga sekarang dan juga melalui program rancangan Orang Asli dan rancangan pengumpulan semula Orang Asli yang dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang juga melibatkan program pembinaan rumah PPRT.

Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin juga meminta supaya kementerian dapat memberi perhatian khusus kepada prasarana asas masyarakat Orang Asli. Adalah tidak benar kerajaan tidak memberi perhatian kepada projek paip untuk Orang Asli. Sebagai contohnya di bawah peruntukan pada tahun 1998 sebanyak 50% peruntukan adalah projek paip untuk Orang Asli dengan menggunakan Sistem grid. Selain daripada ini peruntukan RM5 juta telah disediakan untuk melaksanakan sistem solar di perkampungan Orang Asli di seluruh Malaysia dan

setakat ini kerja-kerja survey sedang dilakukan di 29 buah kampung. Memang diakui projek paip di perkampungan Orang Asli kurang dilaksanakan. Ini disebabkan kedudukannya jauh daripada sistem paip pihak berkuasa air negeri. Walau bagaimanapun kerajaan telah meminta kerajaan-kerajaan negeri melaksanakan projek sistem alternatif seperti sistem air graviti dan perigi tiub di lokasi yang sesuai di kawasan pedalaman termasuk perkampungan Orang Asli.

Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali pula meminta supaya kementerian dapat memansuhkan sistem payung projek jalan kampung (PJK). Pelaksanaan PJK secara konsep payung telah dimulakan pada akhir tahun 1997. Kaedah ini diperkenalkan setelah sistem kajian teliti dibuat ke atas pelaksanaan mengikut kaedah lama yang mana banyak masalah dan kelemahan telah dikenal pasti. Kelemahan-kelemahan ini juga telah dikenal pasti oleh pelbagai pihak termasuklah oleh Jemaah Menteri. Di samping itu kelemahan dan pelaksanaan projek-projek PJK juga telah dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 1994 serta mendapat teguran Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada tahun 1996. Di antara kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

- Jalan yang dibina tidak mengikut spesifikasi.
- Kurang pengawasan semasa pembinaan.
- Jalan cepat rosak.
- Jalan yang dibina tidak memenuhi kriteria dan justifikasi.
- Pelaksanaan lewat.
- Projek dipecah-kecil bagi mengelakkan perlantikan kontraktor secara tender.
- Projek di Ali Baba.

Memandangkan kaedah ini baru diperkenalkan, adalah kurang tepat untuk mengatakan pelaksanaan mengikut kaedah ini telah melambatkan pelaksanaan projek. Pada masa ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang menjalankan kajian mengenai keberkesanan pelaksanaan PJK mengikut kaedah ini dan hasil kajian akan dimaklumkan kepada pihak kerajaan. Walau bagaimanapun berdasarkan pemerhatian awal semasa kajian, didapati projek dapat dibina dengan lebih cepat dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.

Yang Berhormat Puan Hajah Khadijah binti Awang pula meminta kementerian dapat mendefinisikan kawasan luar bandar yang telah menjadi bandar. Sebelum menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat berkenaan, saya ingin menjelaskan definisi luar bandar yang diguna pakai oleh kementerian ini yang berasaskan kriteria bilangan penduduk dan liputan peranan pihak berkuasa tempatan. Maka kawasan luar bandar mengikut kriteria ini ialah kawasan penempatan atau kampung yang penduduknya kurang daripada 10,000 orang dan di luar kawasan operasi pihak berkuasa tempatan. Berdasarkan takrif tersebut hampir keseluruhan kampung berada di bawah tanggungjawab kementerian ini seperti yang diliputi oleh sistem maklumat Infodesa. Mengikut sistem ini dianggarkan terdapat 21,000 kampung iaitu 13 di Semenanjung Malaysia, 5,000 di Sarawak, 3,000 di Sabah. Dari masa ke semasa kementerian ini akan memastikan peruntukan pembangunan luar bandar disalurkan kepada sasarannya bagi memastikan keberkesanan pembinaannya.

Di dalam agenda peruntukan luar bandar pembangunan fizikal dan mental yang dilaksanakan oleh kementerian ini adalah berlandaskan kepada falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar yang mana pembangunan manusia adalah merupakan teras utama.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat - Yang Berhormat yang menyentuh tentang pembangunan luar bandar. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Belia dan Sukan menjawab.

4.33 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat dalam membahaskan ucapan terima

kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi perhatian dan cadangan kepada Kementerian Belia dan Sukan dalam sesi Dewan Negara kali ini.

Mengenai persoalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin tentang sokongan rakyat kepada Kuala Lumpur 98' setakat ini sememangnya mendapat sokongan yang padu daripada setiap lapisan masyarakat. Pihak kementerian kerap menerima soalan-soalan bagaimanakah di kalangan rakyat dapat memberikan sumbangan bagi memastikan kejayaan Kuala Lumpur 98' dan mereka juga ingin menyertai program-program yang dianjurkan sama ada oleh pihak kerajaan ataupun program di bawah Sukom Nighty Eight Berhad. Bagi memastikan Kuala Lumpur 98' akan menjadi Sukan Komanwel yang paling berjaya pihak kerajaan bukan sahaja menyediakan venue-venue sukan yang canggih malah turut memastikan sistem pengangkutan tidak akan menjadi elemen yang boleh mencacatkan Kuala Lumpur 98' kelak. Untuk itu satu jawatankuasa pengangkutan yang dipengerusikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan telahpun ditubuhkan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam menyediakan pengangkutan awam yang secukupnya dan lancar semasa Kuala Lumpur 98'. Di samping itu jawatankuasa ini akan memastikan laluan-laluan pengangkutan awam tidak terlibat dengan kesesakan lalu lintas, untuk itu jawatankuasa tersebut akan bekerjasama dan bekerja rapat dengan jawatankuasa trafik dan keselamatan yang akan memastikan sistem lalulintas berjalan dengan sempurna. Maklumat dan pelan laluan pengangkutan awam ini akan disediakan bagi memudahkan pengguna-pengguna yang akan menyaksikan Kuala Lumpur 98'.

Mengenai jualan tiket, pihak Sukom berusaha untuk menyampaikan maklumat secara meluas kepada rakyat di seluruh negara. Promosi melalui media cetak dan elektronik, internet dan talian-talian telefon disediakan bagi menyebarkan maklumat berkenaan kepada rakyat. Buat masa ini tiket-tiket masih belum dijual secara sebenarnya, tetapi boleh dibuat tempahan melalui internet dan borang-borang yang diedarkan melalui pejabat-pejabat pos, stesen minyak Petronas dan Bank Bumiputra di seluruh negara, dengan membeli buku panduan tiket berharga RM1.00 sahaja.

Pihak kementerian juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii yang menyokong agar pihak kerajaan memberikan peruntukan secukupnya kepada Sukan Komanwel XVI ini. Sememangnya pada waktu ini pihak kerajaan tetap memberi peruntukan kewangan bagi memastikan kejayaan penganjuran itu.

Walau bagaimanapun dalam suasana ekonomi negara pada masa ini perbelanjaan daripada semua pihak akan dipastikan dibuat secara berhemah. Perbelanjaan yang tidak perlu tidak diberi tambahan. Kerajaan juga menyedari akan serangan daripada media luar yang meragui akan keupayaan kita menganjurkan Sukan Komanwel ini. Sukan Komanwel tidak akan di pindahkan ke Australia atau ke mana-mana sekali pun, ini telah disahkan oleh Commonwealth Games Federation baru-baru ini.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany dan Yang Berhormat S. Parasuraman a/l Sinnasamy yang menyokong pihak kerajaan menganjurkan KL'98. Kejayaan kita menganjurkan sukan ini akan membuka mata dunia bahawa negara kita berkeupayaan dan mampu menjadi tuan rumah bagi sukan yang berprestij ini.

Begitu juga Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba yang mendoakan kejayaan KL'98 kelak. Pihak kementerian juga tidak akan membiarkan tohmahan-tohmahan daripada negara luar merosakkan kejayaan KL'98 kelak. Insyaa-Allah.

Mengenai masalah air dan jerebu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim segala langkah berjaga-jaga telah pun diambil kira. Satu jawatankuasa mengenai jerebu telah ditubuhkan dan di pengurusan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Jawatankuasa telah pun mempunyai langkah-langkah dan tindakan yang perlu bagi menangani masalah jerebu ini.

Di samping itu pihak kementerian juga mempunyai Pelan Kotingensi KL'98 sekiranya berlaku jerebu pada waktu itu. Mengenai masalah air pihak kementerian telah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak JBA dan telah mengatur langkah yang perlu bagi memastikan air mencukupi semasa temasya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengucapkan terima kasih di atas ucapan syabas daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany di atas usaha kementerian melaksanakan Program Rakan Muda di kawasan luar bandar.

Sukacita dimaklumkan bahawa pendekatan pelaksanaan Program Rakan Muda mengikut sektor yang diperkenalkan pada penghujung tahun 1997, bertujuan memberi impak yang seimbang dan berkesan dalam membangunkan belia dengan mengambil kira sasaran kepada semua belia terutama belia-belia di luar bandar.

Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, menyentuh mengenai walaupun pihak Kementerian Belia dan Sukan melaksanakan pelbagai program bagi mengatasi gejala sosial tetapi ianya masih lagi wujud. Beliau menyeru agar kementerian meneruskan dan meningkatkan lagi program seumpama itu.

Mengenai pandangan Yang Berhormat supaya meneruskan dan meningkatkan lagi program bagi mengatasi gejala sosial yang masih wujud, sukacita kementerian maklumkan bahawa semua program belia adalah bercorak program pembangunan yang merangkumi Pembangunan Sahsiah Diri, Pembangunan Kemahiran, Pembangunan Kemasyarakatan dan Pembangunan Rohani. Program-program ini bukanlah berbentuk pemulihan tetapi lebih berbentuk pencegahan. Kementerian

akan terus meningkatkan program-program ini agar pencegahannya dapat membantu mengurangkan insiden gejala sosial yang wujud.

Kementerian juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim kerana telah mencadangkan penilaian semula kepada program-program yang dilaksanakan supaya aktiviti yang dilaksanakan itu akan dapat mengurangkan gejala yang tidak sihat. Cadangan ini akan ditimbang bagi melengkapkan Penilaian Semasa dan Penilaian Keberkesanan Program Tahunan yang sedang dibuat.

Program pembangunan belia sama ada Rakan Muda, Bina Sahsiah, Motivasi Perdana, Bela Negara dan sebagainya adalah di antara usaha ke arah mengurangkan gejala sosial kepada program-program yang dianjurkan oleh lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan.

Mengenai saranan agar melaksanakan aktiviti yang lebih positif untuk remaja dalam menangani masalah sosial, kementerian akan terus meningkatkan keberkesanan program yang sedia ada dengan memperkemaskan kandungan pendekatan dan keupayaan pelaksana di samping mengalu-alukan dan menerima pandangan-pandangan konstruktif dari semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii telah menyentuh agar memberi bantuan kepada NGO sukan di peringkat negeri dan daerah bagi mengurangkan bebanan mereka melaksanakan program sukan. Dalam usaha untuk membangunkan sukan negara, kementerian memainkan peranan yang penting dalam aspek penyediaan infrastruktur sukan, peningkatan kejurulatihan, kemantapan pengurusan organisasi, latihan atlet-atlet sukan negara dan perkembangan program, projek dan aktiviti sukan dipelbagai peringkat.

Di antara pertimbangan permohonan bantuan untuk kemajuan sukan, bantuan kewangan bagi tujuan penganjuran acara, pertandingan, latihan, pelaksanaan program sukan dalaman diberi perhatian sewajarnya. Permohonan bantuan oleh NGO sukan adalah tertakluk kepada peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbahasan Dewan yang

mulia ini dan yang telah memberi cadangan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Segala pandangan dan cadangan akan diambil perhatian oleh kementerian dalam merancang dan melaksana program untuk pembangunan di dalam bidang belia dan sukan negara ini.

Kementerain ingin merayu kepada semua pihak termasuk Ahli Yang Berhormat sekalian marilah kita sama-sama menggembleng tenaga dan fikiran untuk memastikan kejayaan KL'98 iaitu Sukan Komanwel XVI dan biarlah ianya menjadi kebanggaan kepada kita semua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menjawab.

4.42 ptg

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Dato' Chet Singh, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin dan Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin yang telah menyentuh isu-isu yang ada kaitan dengan peranan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa perbahasan ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Chet Singh, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah telah menyentuh mengenai isu perpaduan negara dengan mengambil peristiwa di Pulau Pinang sebagai rujukan.

Izinkan saya memberikan ulasan ke atas ucapan Yang Berhormat Dato' Chet Sing yang menyentuh isu mengenai perpaduan dan keharmonian kaum. Kerajaan amat sedar dan peka dan sangat bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat akan peri pentingnya perkara-perkara asas mengenai kestabilan, keamanan dan ketahanan negara dipastikan sentiasa berada ditahap tertinggi. Keupayaan mengekalkan perpaduan dan keharmonian merupakan benteng kekuatan yang patut dihargai dan diiktiraf sebagai satu pencapaian luar biasa bagi sebuah

negara yang didiami oleh penduduk berbagai kaum, agama dan kebudayaan seperti Malaysia.

Bagi kementerian ini peranan untuk melaksanakan program-program berbentuk perpaduan diterajui oleh Jabatan Perpaduan Negara. Di dalam hubungan ini kementerian mengambil tindakan dan langkah-langkah dengan mewujudkan berbagai program baru di samping mengekalkan serta memberi fokus kepada program sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat program-program utama Jabatan Perpaduan Negara meliputi bidang rukun tetangga, perpaduan negara, integrasi nasional dan penyelidikan sosial. Melalui program-program tersebut diwujudkan pula pelbagai aktiviti yang akan menyumbang kepada proses pengukuhan perpaduan dan keharmonian masyarakat terutama kepada generasi muda. Generasi muda terutamanya didedahkan dan disedarkan akan harga dan nilai perpaduan di samping mengetahui sejarah dan latar belakang akan usaha-usaha yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin terdahulu bagi membina asas kepada perpaduan yang kita nikmati pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa di Pulau Pinang dan kegawatan ekonomi yang kita hadapi kini merupakan ujian dan boleh dijadikan cabaran kepada keberkesanan tindakan yang telah kita ambil selama ini. Amaran yang tepat dan tajam dan peringatan yang diluahkan oleh Yang Berhormat supaya tindakan awal dan proaktif diambil ke atas segala bentuk pengkhianatan dan halangan ke atas proses pengukuhan perpaduan tersebut amatlah berkaitan.

Selaras dengan itu pelbagai usaha dan tindakan telah, sedang dan akan terus diambil oleh kementerian. Izinkan saya menyenaraikan di antara aktiviti yang dimaksudkan untuk makluman Dewan yang mulia ini, iaitu di antara program dan aktiviti baru telah dan sedang dilaksanakan oleh kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara ialah menjadikan Rukun Tetangga sebagai focal point dalam pembangunan komuniti dan menyokong pembangunan keluarga.

Di antara aktiviti-aktiviti baru Rukun Tetangga ialah:

- Mengadakan projek perintis Pusat Aktiviti Pelajar Anak Remaja (PAPAR) pelbagai kaum yang menyediakan kemudahan tempat untuk pelajar-pelajar

mengulang kaji kerja sekolah, kemudahan kaunseling serta kelas komputer dan motivasi.

- Memperluaskan lagi skim Rukun Tetangga ke kawasan baru terutamanya di taman-taman perumahan yang diduduki oleh masyarakat berbilang keturunan.
- Memperkenalkan teknik-teknik 'mediasi' dalam kursus memantapkan Rukun Tetangga khasnya untuk pemimpin-pemimpin Rukun Tetangga seperti sebagai satu mekanisme.
- Membantu kerajaan menyelesaikan konflik di peringkat akar umbi.

Selain daripada mengukuh institusi Rukun Tetangga, Jabatan Perpaduan Negara juga menerbitkan sebuah majalah, *Majalah Perpaduan* yang dikeluarkan dalam bulan Mei tahun ini. Majalah ini meliputi tulisan-tulisan mengenai perpaduan negara dan integrasi nasional yang dicetuskan oleh pemimpin-pemimpin negara, para ilmunan, ahli-ahli akademik, budayawan dan lain-lain

Lain-lain program baru yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara ialah Sayembara Cerpen Remaja Perpaduan untuk pelajar-pelajar sekolah menengah, Program Kuiz Bina Bangsa yang merupakan program kuiz untuk pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta, Kem padu jaya diri yang merupakan aktiviti perkhemahan untuk remaja pelbagai kaum yang tinggal di dalam kawasan Rukun Tetangga dan kolokium jiran wanita yang dijalankan khusus untuk kumpulan wanita yang tinggal di dalam kawasan Rukun Tetangga. Aktiviti baru ini bertujuan melengkapkan jiran wanita dengan ilmu pengetahuan bagi membantu mewujudkan keluarga sejahtera serta menangani masalah sosial keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, juga ingin saya mengambil kesempatan untuk memaklumkan mengenai satu lagi mekanisme yang dapat memainkan peranan amat penting di dalam konteks perpaduan iaitu Panel Penasihat Perpaduan yang telah ditubuhkan sejak tahun 1970. Panel tersebut dianggotai oleh ketua-ketua pentadbiran diperingkat kementerian dan jabatan dan agensi kerajaan, ahli-ahli korporat, wakil-wakil badan bukan kerajaan dan aktivis masyarakat. Panel tersebut dipengerusikan oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan setiausaha adalah Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara.

Objektif panel ialah menjadi penasihat kepada kerajaan mengenai isu-isu perpaduan negara sementara peranannya ialah menentukan supaya perpaduan kaum di negara ini terus dipelihara. Di samping itu, mekanisme yang telah diwujudkan di Jabatan Perpaduan Negara ialah Program Penyelidikan Etnos Sosial yang berperanan memantau perkembangan-perkembangan dan isu-isu semasa yang sensitif dan boleh menimbulkan pertelingkahan kaum dan boleh menjejaskan kestabilan negara. Selain daripada itu, kementerian juga telah mengarahkan semua pegawai perpaduan di peringkat negeri dan daerah memantau isu-isu yang berkaitan dengan perpaduan di tempat masing-masing dan menyediakan laporan kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih ke atas ucapan Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin yang telah membangkitkan isu yang berkaitan dengan aspek pembangunan masyarakat Orang Asli, yang dikatakan tertinggal jika dibandingkan dengan masyarakat lain di negara ini. Kerajaan amat sedar dan prihatin akan isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan untuk tujuan itu, saya ingin menegaskan bahawa usaha-usaha dan tindakan-tindakan untuk membangunkan kedudukan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli tidak pernah terabai dan akan diteruskan oleh kerajaan.

Di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, seperti Yang Berhormat sedia maklum, peranan pembangunan masyarakat dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan semenjak lima tahun kebelakangan ini sahaja, kementerian telah membelanjakan peruntukan sebanyak lebih daripada RM289 juta untuk membangunkan seramai 92,529 penduduk Orang Asli di seluruh negara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim, yang telah menyentuh mengenai keperluan memperbanyakkan program-program dan aktiviti khusus kepada golongan remaja. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat selaku urusetia kepada Jawatankuasa Kabinet Bagi Membanteras Masalah-masalah Sosial akan terus mengadakan program-program dan aktiviti-aktiviti khas untuk golongan remaja ke arah membantu kerajaan menangani masalah sosial dengan dibantu oleh

kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain serta juga pihak badan-badan bukan kerajaan.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu yang berkaitan dengan kementerian ini dan jika ada yang tidak sempat dijawab, saya ingin memberikan jaminan bahawa saranan-saranan bernas yang dikemukakan akan diambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Kesihatan menjawab.

4.53 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam] Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada isu-isu di bawah fungsi dan tanggungjawab Kementerian Kesihatan semasa berucap membahaskan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii telah membangkitkan mengenai bilangan pesakit di hospital kerajaan yang didapati meningkat. Beliau telah mengesyorkan perbelanjaan hospital tidak dikurangkan. Beliau juga telah menyarankan agar perkhidmatan pakar perubatan dan pembedahan diperluaskan di semua pusat kesihatan dan hospital besar. Beliau juga telah membangkitkan berkenaan caj yang dikenakan oleh hospital swasta adalah sangat tinggi dan mengesyorkan supaya hospital swasta mengadakan wad khas untuk golongan miskin seperti mengadakan wad kelas tiga.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada keseluruhannya peruntukan mengurus Kementerian Kesihatan telah dikurangkan sebanyak 12%, tetapi peruntukan untuk program perubatan telah hanya dikurangkan sebanyak 4.1% sahaja. Kementerian Kesihatan sentiasa memberi peruntukan belanjawan yang mencukupi untuk memastikan bekalan ubat-ubatan dapat menampung keperluan di semua hospital kerajaan. Bagi tahun 1997, Kementerian Kesihatan diberi peruntukan sebanyak RM260 juta untuk membeli ubat-ubatan bagi keperluan hospital-hospital. Dalam tahun 1998, peruntukan belanjawan yang lebih banyak telah diberikan. Sehingga

ini, sebanyak RM274 juta telah diperuntukkan kepada hospital-hospital kerajaan untuk membeli ubat-ubatan. Ini adalah 5% lebih daripada peruntukan tahun yang lepas.

Bagi pesakit-pesakit yang memilih untuk menerima rawatan di institusi kesihatan kerajaan, kenaikan harga ubat-ubatan tidak akan memberikan kesan yang langsung kepada mereka kerana bayaran yang dikenakan untuk mendapat rawatan adalah nominal. Bayaran tersebut sudah menampung bayaran untuk kos rawatan termasuk ubat-ubatan yang akan diterima tanpa mengira jenis, bilangan dan jumlah ubat yang dibekalkan.

Setakat ini memang telah ada hospital swasta yang mengadakan wad khas untuk yang tidak berkemampuan. 'Non-profit' hospital seperti Assunta Hospital, Tung Shin Hospital dan lain-lain lagi memang telah lama mengwujudkan wad khas untuk yang tidak berkemampuan dan kualiti perkhidmatan penjagaan yang diberikan kepada semua pesakit adalah sama.

Walau bagaimanapun, jenis dan quantum sumbangan sosial masih di bawah kajian dan akan ditetapkan di dalam peraturan dan kementerian akan memastikan sumbangan tersebut yang diberikan adalah dengan lebih teratur, lebih tetap, kerap dan berpatutan dengan saiz, status dan keupayaan kemudahan berkenaan. Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 ini akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Perkhidmatan pakar setakat ini hanya disediakan di hospital-hospital peringkat Persekutuan, negeri dan hospital-hospital daerah tertentu. Kementerian Kesihatan belum bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan pakar perubatan dan pembedahan ke peringkat pusat-pusat kesihatan memandangkan ia melibatkan perbelanjaan yang tinggi serta memerlukan kemudahan yang mencukupi dan tenaga anggota yang mahir untuk menyokongnya. Walau bagaimanapun, setakat ini seramai 10 orang Pakar Perubatan Keluarga untuk penjagaan rawatan primier telahpun mula ditempatkan di klinik-klinik kesihatan tertentu dan ini akan diperluaskan ke lebih banyak klinik pada masa akan datang.

Pada masa kini, Kementerian Kesihatan mempunyai sistem rujukan di mana pesakit yang tidak dapat dirawat di satu peringkat (contoh klinik kesihatan

ataupun hospital yang tidak mempunyai pakar akan dirujuk ke peringkat yang lebih tinggi iaitu hospital yang mempunyai pakar) untuk mendapat rawatan sewajarnya. Dengan cara ini, sistem perkhidmatan yang lebih kos – efektif dapat disediakan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Janggu Anak Banyang telah menimbulkan isu berkenaan ubat-ubat di klinik-klinik desa tidak mencukupi. Contohnya di Klinik Desa Julau, Sarawak, di mana mesin merawat penyakit asma telah rosak dan Jabatan Kesihatan Negeri tidak mampu untuk memperbaikinya. Kementerian Kesihatan Malaysia perlu memberi perhatian kerana semakin ramai pesakit mengidap penyakit asma disebabkan masalah jerebu yang melanda Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak akan mengambil tindakan berhubung dengan mesin merawat penyakit asma yang rosak di Klinik Kesihatan Julau, Sarikei, Sarawak. Alat ‘nebulizer’ yang dimaksudkan di Klinik Kesihatan Julau akan diperbaiki. Jika tidak boleh dibaiki, pihak jabatan akan cuba mendapatkan alat yang baru. Jabatan juga sedang berusaha mendapatkan 80 unit ‘nebulizer’ untuk digunakan di klinik-klinik kesihatan seluruh negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yee Lung Fook Geoffrey telah menyatakan bayaran Fomema tidak berpatutan untuk pemeriksaan kesihatan pekerja-pekerja asing dan mencadangkan supaya dikaji semula bayaran tersebut.

Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi telahpun mengkaji semula semua bayaran yang dikenakan oleh Syarikat Fomema Sdn. Bhd. bagi pemeriksaan kesihatan pekerja asing. Bayaran semasa yang diluluskan oleh kerajaan dan yang telah dilaksanakan mulai 1 Disember 1997 adalah lebih rendah daripada caj yang disyorkan oleh pihak MMA serta caj yang telah diluluskan oleh kerajaan pada peringkat awal semasa perjanjian konsesi ditandatangani pada bulan September 1997.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hajah Khatijah binti Haji Awang telah mencadangkan pusat rawatan barah dibangunkan di Terengganu. Pusat Perkhidmatan Rawatan Barah adalah satu perkhidmatan yang melibatkan perbelanjaan yang amat tinggi. Perkhidmatan yang sebegini cuma dapat disediakan

di hospital secara wilayah sahaja, dengan izin, 'in regions only'. Setakat ini, perkhidmatan ini cuma disediakan di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Kuching manakala Hospital Pulau Pinang menggunakan kemudahan Hospital Kanser Mount Miriam, sebuah hospital 'non-profit' di negeri tersebut.

Sekian sahaja jawapan yang dapat saya berikan ke atas isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa ucapan perbahasan Titah Diraja. Sekiranya terdapat teguran-teguran Ahli Yang Berhormat yang tidak dapat dijawab di Dewan yang mulia ini, ianya akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Pembangunan Usahawan menjawab.

5.00 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:
Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Rosli bin Mat Hassan yang telah mengambil peranannya dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Untuk menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat, sebenarnya kementerian memang sedang cuba dan mengkaji masalah kegawatan ekonomi serta masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan-usahawan pada masa kini, terutama masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh usahawan bumiputera. Kita mengetahui dengan kegawatan ekonomi ini, kos pengeluaran akan bertambah kerana kenaikan kos bahan mentah. Kita juga memahami bahawa permintaan akan menurun, akan berkurang dan akan berlakunya kelembapan kepada pemasaran-pemasaran produk yang telah dikeluarkan oleh usahawan-usahawan dan di masa yang sama, pinjaman yang sukar didapati daripada bank-bank dan usahawan-usahawan juga menghadapi masalah pembayaran balik pinjaman-pinjaman mereka.

Kementerian dari masa ke semasa mengadakan perbincangan dengan usahawan-usahawan, dewan perniagaan - baru-baru ini saya ada berjumpa dengan bukan hanya Dewan Perniagaan Melayu tetapi juga dengan Dewan Perniagaan India, perbincangan dengan persatuan-persatuan kontraktor dan dengan kementerian-kementerian, selalu diadakan dengan Kementerian Kewangan, Bank

Negara dan dengan bank-bank. Di masa yang sama, kementerian juga dari masa ke semasa memberi pandangan ke Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Di kementerian sendiri, pada masa kini kita ada beberapa tabungan, ada beberapa langkah yang telah diambil. Baru-baru ini kita telah melihat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan satu tabung iaitu Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS) dengan fund yang berjumlah RM1.5 bilion kesemuanya. Oleh kerana didapati yang usahawan-usahawan payah untuk mendapat peruntukan ini, Yang Amat Berhormat telah memudahcarakan syarat-syarat dan garis panduan operasi agar lebih ramai usahawan akan dapat menggunakan peruntukan-peruntukan yang ada. Jumlah bank-bank yang terlibat juga telah ditambah dan jumlah pinjaman maksimum telah dipertingkatkan daripada RM2 juta kepada RM5 juta dan pinjaman minima telah dikurangkan daripada RM250,000 kepada RM50,000. Di samping itu juga, memperbanyakkan lagi sektor-sektor yang boleh diberi pinjaman.

Keduanya, kementerian akan melancarkan satu tabung dengan nama Tabung Usahawan Kecil dengan peruntukan sebanyak RM90 juta. Ia akan dilancarkan pada minggu depan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dan yang ini akan memberi bantuan atau pinjaman daripada jumlah RM2,000 hingga RM20,000 kepada peniaga-peniaga kecil untuk semua jenis perniagaan.

Tabung SEFF atau Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil yang memberi pinjaman sebanyak RM10,000 hingga RM50,000 juga dilonggarkan, di mana pemohon-pemohon boleh membuat permohonan secara berpusat, yang akan dipusatkan di CGC. Ini akan mengatasi masalah pemprosesan yang selama ini kita dengar daripada peminjam-peminjam di mana bank lambat memproseskan pinjaman-pinjaman mereka dan pinjaman ini menggunakan 100% pembiayaan daripada kerajaan kerana kita tahu bank-bank mengatakan mereka mempunyai masalah 'liquidity' mereka, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian juga melancarkan Skim Usahawan Siswazah untuk membantu siswazah-siswazah yang dianggarkan seramai 30,000 orang

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh memberi laluan kepada Yang Berhormat Puan Hajah Mastika?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi peluang kepada saya untuk meminta laluan.

Mengenai Tabung SEFF kelmarin juga kita telah membincangkan Tabung ini diberikan oleh kerajaan dan diadakan satu sistem pemberian yang agak terkawal di mana mereka yang ingin mengambil peluang dari peruntukan ini harus mengikuti kursus dan setelah mereka menghadiri kursus mereka diberikan sijil, mungkin yang tidak lulus tidak akan diberikan sijil, yang lulus diberikan sijil.

Masalahnya, setelah mereka menerima sijil, mereka membuat permohonan dan saya faham bahawa tidak semua permohonan yang dikemukakan ini akan diluluskan berpandu kepada projek dan juga kertas kerja yang dikemukakan.

Kita menerima hakikat ini, tetapi yang malangnya apabila seseorang usahawan hadir kursus dan lulus dalam kursus itu, ini telah menunjukkan minat kepada orang yang berkenaan untuk dia melibatkan diri di dalam bidang yang ingin diceburinya dan juga menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan penglibatan rakyat kita dalam bidang perniagaan.

Mereka ini yang mana permohonannya telah dikemukakan kepada pihak bank, tetapi diberi jawapan 'tidak lulus' dan selepas itu apakah tindakan susulan kita kerana saya menerima banyak aduan daripada mereka yang telah hadir kursus dan mereka juga mempunyai perniagaan yang dalam scale yang kecil ingin membesarkan perniagaan. Maknanya dia sudah berpengalaman dalam perniagaan, tiba-tiba permohonannya ditolak.

Jadi, mereka ini merasa sangat kecewa, pada pandangan saya, kalau pun permohonan mereka ini ditolak, janganlah cuma dengan sekeping kertas sahaja jawapan kepada mereka ini: "Bahawa permohonan anda tidak diterima".

Selepas itu tidak ada tindakan susulan sama ada dimaklumkan adakah ditolak kerana kertas kerja yang dikemukakan itu tidak viable ataupun didapati projek yang hendak dijalankan itu bukan merupakan projek yang competitive ataupun projek yang dilihat oleh institusi kewangan berkenaan berdaya maju dan sebagainya.

Saya kira kalau setakat ini kita menyediakan peluang untuk berkursus, mereka ini saya difahamkan tidak tidur pun malam kerana membuat kertas kerja,

siang malam buat kertas kerja selama seminggu kursus dan ada lagi kursus-kursus susulan, dapat sijil, memohon, selepas itu permohonannya kena tolak dan mereka kecewa di situ.

Orang kita ini maklum sahajalah, bila sudah tak dapat pinjaman itu, mereka berasa kecewa yang amat sangat, kemukakan kepada kita, kita pun tak tahu, selepas itu ke mana kita hendak salurkan ataupun apakah tindakan susulan selepas permohonan itu ditolak.

Saya berharap Yang Berhormat dapat memberi penerangan, bagaimana kita hendak tackle mereka ini yang sudah menghadiri kursus tetapi ditolak permohonan pinjaman mereka.

Datuk Idris bin Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya nampak Ahli Yang Berhormat memang tahu tentang selok belok yang berlaku dan nampaknya Ahli Yang Berhormat memang pekalah dengan usahawan-usahawan di kawasan Yang Berhormat sendiri.

Sebenarnya, untuk sesuatu perniagaan ada dua komponen perniagaan, satunya peniaga itu sendiri, keduanya jenis perniagaan itu, apa yang mereka hendak buat. Mula-mula kita nilai sama ada peniaga itu memang seorang usahawan yang baik ataupun tidak. Keduanya, kita menilai jenis perniagaannya sama ada ianya berdaya maju ataupun tidak. Jadi, ini adalah komponen-komponen yang biasa digunakan oleh bank. Selepas bank memastikan bukan hanya kursus sahaja Yang Berhormat, selepas bank memastikan yang ada masalah ataupun antaranya mungkin permohonan itu ditolak, tetapi saya bersetujulah dengan Ahli Yang Berhormat tadi, mungkin sama ada bank atau peniaga itu boleh pergi ke bank dan berbincang dengan bank tentang masalah mengapakah permohonan mereka itu ditolak.

Walau bagaimanapun, kita memahami dengan keadaan sekarang ini, sebab itulah kementerian mendengar rayuan-rayuan yang telah dibuat oleh usahawan-usahawan, sebab itu kita mengadakan satu permohonan secara berpusat yang dipusatkan di CGC itu sendiri. Selepas dari ini, Ahli Yang Berhormat bolehlah memberitahu kepada mereka yang tidak berjaya itu untuk memohon semula, mungkin kita boleh kaji semula di peringkat pusat oleh CGC mana tahu kesilapan

yang telah berlaku selama ini mungkin dipohon semasa kegawatan ekonomi dahulu, bank semua tutup kedai semua sekali dan kita akan memberi peluang kedua kepada mereka ini untuk dinilai semula permohonan mereka.

Saya sedang bercakap tadi iaitu tentang Skim Usahawan Siswazah di mana siswazah-siswazah yang keluar dari universiti yang kita jangka seramai 30,000 kesemuanya yang berminat untuk menjadi usahawan bolehlah memohon kepada kementerian untuk memasuki skim ini, di mana mereka akan diberi latihan dan jika mereka berjaya,

Datuk Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Haji Sairin ingin minta laluan.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya cuma mohon penjelasan, minta maaf terlewat sedikit tetapi saya rasa masih belum ketinggalan, ada disebut tadi RM90 juta peruntukan untuk Tabung Usahawan Kecil, apakah kementerian akan mengenakan kuota-kuota ataupun memperuntukkan kuota-kuota untuk setiap negeri, ataupun 'first come first serve', dengan izin. Terima kasih.

Datuk Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, di dalam mana-mana skim yang kita lancarkan, sebenarnya kita memastikan juga supaya ianya boleh dibahagikan, di Sabah dan di Sarawak itu memang biasalah, supaya di Sabah dan Sarawak tidak ketinggalan. Memang Yang Berhormat Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed sendiri memang pekalah dalam perkara ini. Tetapi memang biasa bila dia melintasi laut itu lambat sedikit biasanya. *[Ketawa]* Tetapi, insya-Allah, kita akan pastikan kita memang sensitif tentang perkara ini dan kita tahu ini biasa kita dengar dan kita pastikan yang ianya tidak terlambat, pastikan yang semua bank di Sabah juga akan diberi peluang untuk memainkan peranan mereka.

Di kementerian juga kita tahu untuk mengatasi masalah ini kita mengadakan satu pasukan petugas untuk memberi nasihat dan pandangan terutama kepada peniaga-peniaga kecil dan sederhana yang mempunyai masalah yang tidak tahu ada wujudnya banyak peluang tadi, saya katakan tadi ada Tabung IKS, ada TUK, ada SEFF, ada Program Skim Usahawan Siswazah (SUS) supaya mereka

boleh mengambil tahu dan boleh diberi nasihat dan pandangan dan kementerian dari masa ke semasa akan mengadakan majlis penerangan kerana kita dapati ramai orang tidak tahu skim-skim yang telah dilancarkan oleh kementerian dan kita akan mengadakan road show supaya orang ramai, para usahawan akan mengetahui apa yang sedang berlaku dan apa yang sedang dijalankan oleh kementerian.

Di samping itu juga, saya ingin memperingatkan langkah-langkah yang telah diadakan oleh kerajaan, saya juga ingin menyatakan bahawa usahawan-usahawan juga mempunyai peranan mereka sendiri, sebab itu dari dahulu lagi kita mengatakan yang usahawan-usahawan harus berdaya tahan, bermakna usahawan tidak boleh mempunyai budaya mewah. Ini kita lihat dahulunya sebelum kegawatan ekonomi memang usahawan banyak bermewah, pinjam berlebihan tanpa menghirau acid test ratio, dengan izin, tanpa menghirau gearing ratio yang harus mereka ikuti, mereka menggunakan wang mereka dan melaburkan dengan cara yang spekulatif.

Kita ingin mengatakan yang usahawan masa kini harus ramping dan garang ataupun dengan izin, they have to be mean and lean, Tuan Yang di-Pertua, dan mereka harus berdaya saing dan berdaya maju. Kita harap dengan kerjasama oleh usahawan-usahawan tadi dan kerjasama yang akan diberi oleh kementerian dari masa ke semasa, masalah yang dihadapi oleh usahawan-usahawan ini, insya-Allah, akan dapat kita atasi.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menjawab.

5.14 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu berkaitan bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Saya terlebih dahulu ingin bagi pihak Kementerian Dalam Negeri mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan Yang Berhormat Dato'

Abdul Aziz bin Abdul Rahman yang amat prihatin dan bersimpati terhadap beban tugas yang perlu ditanggung dan risiko-risiko yang dihadapi oleh anggota-anggota Polis Diraja Malaysia semasa menjalankan tugas.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dalam ucapannya juga telah menjelaskan dengan panjang lebar beberapa aspek tugas merbahaya yang perlu dilaksanakan oleh seseorang anggota polis dan risiko-risiko yang mungkin dihadapi oleh anggota tersebut.

Kedua-dua Ahli Yang Berhormat telah juga seterusnya menafikan anggota-anggota PDRM sebagai dengan izin, trigger happy, sebagaimana tuduhan-tuduhan yang telah dilemparkan ke atas pasukan berkenaan. Saya bersetuju sepenuhnya dengan pandangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya jelaskan lebih lanjut lagi bahawa anggota polis yang melaksanakan tugas adalah dikehendaki mengikuti sepenuhnya arahan-arahan yang telah dikeluarkan kepada mereka dari masa ke semasa setiap kali menghadapi sesuatu situasi atau menjalankan sesuatu operasi. Oleh itu, adalah tidak adil dan tidak wajar bagi pihak-pihak yang cuba menuduh anggota-anggota PDRM bahawa mereka menggunakan senjata api sewenang-wenangnya semasa menjalankan tugas.

Peristiwa yang telah berlaku di Pulau Pinang dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak polis serta lain-lain pihak, mententeramkan keadaan tersebut telah disentuh panjang lebar oleh Yang Berhormat Dato' Chet Singh, Yang Berhormat Datuk Zainuddin bin Maidin, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan S. Parasuraman dan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin selain daripada apa yang telah dijawab dan dijelaskan oleh kementerian yang lain terhadap peristiwa tersebut, sukacita saya ingin menambah bahawa keadaannya pada masa sekarang adalah terkawal setelah semua pihak yang berkaitan bersama-sama berusaha mengekalkan ketenteraman dan keamanan. Sikap toleransi, hormat-menghormati dan sensitif terhadap kebebasan beragama sewajarnya dipupuk dan dipatuhi oleh setiap rakyat negara ini. Kerajaan tetap akan bertindak tegas sekiranya mempunyai bukti-bukti

yang kukuh terhadap anasir-anasir yang cuba menghasut sehingga mencetuskan keadaan tidak tenteram dan perpecahan di kalangan rakyat dalam negara ini.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin juga menggesa kerajaan bersikap tegas terhadap pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negara ini sekiranya didapati mereka menjalankan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dan menjejaskan imej negara. Beliau menyarankan supaya Pendaftar Pertubuhan menggantung pendaftaran badan-badan NGO yang dibuktikan bertindak di luar objektif pertubuhannya dan mengancam keselamatan negara.

Sukalah saya menjelaskan badan-badan bukan kerajaan pada asasnya dibenarkan bergerak bagi tujuan yang murni iaitu menjadi mekanisme, dengan izin, check and balance ke atas aktiviti-aktiviti kerajaan. Namun begitu, ada NGO yang mudah sensitif dan melatah apabila terdapat sesuatu tindakan kerajaan mengenai isu-isu tertentu sehingga ada yang mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang tidak benar terhadap kerajaan. Kerajaan akan menyiasat ke atas setiap kenyataan tersebut sama ada dibuat di dalam atau di luar negeri dan sekiranya ada unsur-unsur fitnah dan tuduhan yang tidak benar, kerajaan akan mengambil tindakan berdasarkan undang-undang negara sekiranya ada bukti-bukti yang kukuh mengenai penglibatan individu atau sesuatu pertubuhan tertentu.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki hendak minta laluan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Ong Ka Ting. Sudah lama masanya kita menunggu daripada kementerian untuk menjawab dan memberitahu rakyat siapakah yang telah memberi aduan palsu kepada surat khabar di London itu, dengan izin, *The Observer* dan *The Independence*, sebab masanya sudah terlalu lama untuk kita mengetahui setakat ini perkara ini masih diam begitu sahaja. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan bukan mendiamkan diri begitu sahaja. Pada masa kini kerajaan sedang mengawasi NGO yang tertentu kerana kita masih hendak mengutip maklumat selanjutnya dan kita

tidak mahu mendedahkan nama dahulu, ada lagi usaha-usaha dijalankan. Maka buat masa kini, kerajaan masih tidak bercadang hendak menyebutkan namanya kerana pernah sejak dahulu pun mereka sudah ada membuat sesuatu dan kami masih menyiasat iaitu apakah pakatan dan apakah sumber dan apakah niat mereka. Jadi, kita perlukan masa untuk mendapatkan siasatan selanjutnya. Ini bukan masanya dan belum sampai masanya lagi untuk kita mendedahkan nama mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri amat kesal di atas tindakan penerbit akhbar *Harakah* menjual akhbar tersebut kepada orang ramai seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali. Kementerian telah memberi amaran dan pernah memberi amaran keras kepada penerbit akhbar *Harakah* supaya mematuhi syarat-syarat permit yang telah ditetapkan dan mereka sendiri pun datang ke Kementerian Dalam Negeri untuk meminta maaf, mereka berjanji, mereka secara bertulis berjanji tidak akan mengulangi lagi apa yang telah berlaku. Nampaknya amaran itu tidak dipatuhi sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, kementerian saya akan terus menyiasat dan tindakan yang sesuai akan diambil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kementerian boleh mengambil tindakan terhadap apa

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah minta laluan.

Dato' Ong Ka Ting: Berkenaan akhbar *Harakah* ini biar saya jawab dahulu, belum selesai ya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri boleh mengambil tindakan terhadap akhbar berkenaan sama ada menggantung atau membatalkan permit penerbitannya pada bila-bila kita boleh buat, sekarang pun kita boleh buat.

Walau bagaimanapun, kerajaan juga sentiasa mengambil langkah berhati-hati dan bijaksana terhadap penerbitan akhbar-akhbar seperti ini supaya kita tidak terperangkap dalam perangkap politik dia, kadangkala mereka sengaja kita hendak membuat sesuatu supaya dapat simpati, supaya dapat alasan menduduh Kerajaan

Barisan Nasional selanjutnya dan cuba memberi satu gambaran yang tidak tepat kepada arena antarabangsa.

Ini juga sebagai satu faktor yang kita sentiasa timbangkan dan untuk mengelakkan dari tuduhan yang tidak berasas kepada kerajaan sebagai kerajaan yang ghairah sangat menyekat kebebasan, menyebarkan dan menyalurkan maklumat kepada ahli parti mereka.

Selain dari itu, mengenai perkara yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat supaya akhbar tersebut diberi lesen supaya boleh dijual kepada orang ramai. Kalau mereka memohon kita akan lihatlah, tetapi kalau mereka tidak memohon susah hendak cakap sekarang. Saya tak tahu sama ada Yang Berhormat masih berminat?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tadi sebenarnya hendak bertanya kepada Yang Berhormat adakah diberikan satu garis panduan kepada akhbar ini kerana didapati tidak mengikut arahan yang dikeluarkan oleh kementerian supaya ia tidak dijual kepada orang ramai tetapi masih juga dijual. Tetapi Yang Berhormat telah menjawab boleh diambil tindakan pada bila-bila masa, terima kasih di atas jawapan itu.

Satu lagi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bagi mereka yang menjual, adakah akhbar ini khas ini untuk ahli-ahlinya sahaja. Dalam takrifan khas untuk ahli-ahli itu, bolehkah Yang Berhormat elaborate, dengan izin, macam mana cara penyalurannya, adakah orang-orang yang menjual misalnya di kedai-kedai menjual akhbar yang tidak dibenarkan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri juga boleh diambil tindakan. Terima kasih.

sengaja hendak kita buat sesuatu supaya dapat simpati, supaya dapat alasan menuduh Kerajaan Barisan Nasional selanjutnya dan cuba memberi satu gambaran yang tidak tepat kepada arena antarabangsa. Ini juga sebagai satu faktor yang kita sentiasa timbang dan untuk mengelakkan daripada tuduhan yang tidak berasas kepada kerajaan sebagai kerajaan yang ghairah sangat hendak menyekat kebebasan menyebarkan dan menyalurkan maklumat kepada ahli parti mereka.

Selain dari itu, mengenai perkara yang disebut oleh Yang Berhormat supaya akhbar tersebut diberi lesen supaya boleh dijual kepada orang ramai, kalau mereka memohon kita akan lihatlah, kalau tidak memohon susah kita hendak cakap sekarang ini. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat masih berminat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi sebenarnya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, adakah diberikan satu garis panduan kepada akhbar ini kerana didapati tidak mengikut arahan yang dikeluarkan oleh kementerian supaya ia tidak dijual kepada orang ramai tetapi masih dijual. Tetapi Yang Berhormat telah menjawab boleh diambil tindakan pada bila-bila masa, terima kasih di atas jawapan itu.

Satu lagi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bagi mereka yang menjual, adakah akhbar ini khas untuk ahli-ahlinya sahaja. Dalam takrifan ‘khas untuk ahli-ahli’ itu bolehkah Yang Berhormat elaborate, dengan izin, macam mana cara penyalurannya, adakah orang-orang yang menjual misalnya di kedai-kedai menjual akhbar yang tidak dibenarkan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri juga boleh diambil tindakan. Terima kasih.

Dato’ Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang garis panduan ada diberi semasa sesuatu permit KDN dikeluarkan kepada mana-mana satu penerbitan dan adalah jelas garis panduan itu bagi akhbar parti politik, syarat yang konsisten, adil, saksama untuk semua parti, tidak kira parti pemerintah atau parti pembangkang ialah akhbar itu hanya boleh diedar kepada ahli-ahli sahaja, tidak kira dia jual atau tidak jual, untuk ahli sahaja, ini sangat jelas, bukan sahaja akhbar *Harakah* macam itu, akhbar *Roket* pun macam itu, akhbar UMNO, akhbar MCA pun macam itu juga, tidak ada diskriminasi, tidak ada berat sebelah dan sehingga hari ini semua akhbar parti-parti dalam komponen Barisan Nasional tidak pernah melanggar syarat-syarat itu kerana kitalah yang mematuhi undang-undang, semangat perundangan ini sangat kukuh dan berdisiplin.

Tetapi mereka ini mereka membuat alasan mengatakan dia jual di gerai-gerai sebab ahli mereka akan pergi ke sana membeli, setiap kali bila kita bertindak, dia kata: “Oh, ini tempat ahli mereka akan datang dan ahli sahaja yang datang membeli.” Jadi, cara macam ini dia cubalah hendak memberi satu alasan, kalau

kita hendak bukti, kita kena menunggu di situ selama 24 jam, tengok siapa yang membeli akhbar itu. Saya rasa pegawai kementerian saya tidaklah begitu banyak masa sangat untuk menunggu di situ dan tidak payah membuat kerja yang lain dan hanya membuat kerja untuk akhbar *Harakah* sahaja.

Tetapi walau bagaimanapun, pernah kita mengambil tindakan, ada siasatan dan ada operasi dan ada tindakan bila kita pergi melawat dan melihat sendiri banyak gerai. Daripada maklum balas yang kita dapati kebanyakan pekedai-pekedai berkata pembekal akhbar itu, maknanya ini orang parti dia pergi ke sana memberitahu tak payah bimbang, boleh dijual, tidak ada masalah, cuma beri sahaja. Jadi, pekedai kadang-kadang pun tak berapa pasti betul atau tidak mereka menjual sampai kakitangan Kementerian Dalam Negeri datang memberi penjelasan dan memberitahu tak boleh jual, baru mereka tahu.

Saya rasa perkara ini kita ambil perhatian pada masa yang akan datang sama ada kita boleh memberi satu garis panduan kepada para pekedai juga tetapi buat masa ini tidak ada undang-undang yang menyekat pekedai-pekedai untuk menjual apa yang boleh dijual dan apa yang tidak boleh dijual, cuma penerbitan yang telah diharamkan tidak boleh dijual, itu memang termaktub dalam undang-undang tetapi kalau penerbitan itu tidak diharamkan, masih tidak ada undang-undang untuk menyekatnya.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kementerian kerana memberi jawapan yang saya rasa bertimbang rasa dan adil dengan kenyataan beliau tadi menyatakan pihak Kementerian Dalam Negeri masih konsisten, cuba melaksanakan keadilan dan prihatin dengan semua akhbar parti-parti politik dan saya merasakan oleh kerana demokrasi kita yang masih subur dalam negara Malaysia tidak menimbulkan masalah apa-apa.

Sebenarnya akhbar *Harakah* adalah untuk ahli sahaja tetapi yang berminat itu kita tidak mampu untuk hendak menyekat mereka. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah Ahli Yang Berhormat, nampaknya penjelasan saya itu diterima, kalau boleh terima dengan sebulatnya maka beri tahulah kepada para pekedai jangan jual kepada orang yang

bukan ahli, itulah konsisten dan prinsipnya pun betul, sebab undang-undang dan syarat-syarat dalam surat itu telah mengatakan tidak boleh dijual kepada bukan ahli, beritahulah kepada para pekedai supaya jangan dijual kepada yang bukan ahli. Kalau macam itu, saya amat berterima kasihlah, tak payah selalu Kementerian Dalam Negeri kena hentam di Dewan ini dan di Dewan Rakyat dan sebagainya dan di semua mesyuarat agung parti-parti yang lain kerana pengkritikan telah dikeluarkan kepada Kementerian Dalam Negeri kerana semua parti terutamanya parti komponen dalam Barisan Nasional sudah rasa tidak adil, sebab parti-parti ini sudah mengikut syarat yang ditetapkan mengapa pula parti pembangkang istimewa tidak payah mengikut syarat. Inilah masalah yang sedang kita hadapi.

Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri begitu liberal, begitu berhati-hati sehingga dia cuba seboleh-bolehnya ada mempunyai sikap toleransi tetapi jangan ambil kesempatan, janganlah sampai sudah begitu memberi peluang supaya mereka sedar diri tetapi dalam *Harakah* nampaknya ada artikel-artikel yang mengkritik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan parti pemerintah yang tidak berasas, kalau macam itu tidak membalas budi. Kalau kita sudah longgarkan syarat, balaslah budi, pujilah kata Kerajaan Barisan Nasional walau macam itu pun boleh menerima dan boleh toleransi, kalau macam itu lebih sempurna. Saya harap Yang Berhormat boleh bawalah pandangan ini balik kepada parti PAS, kalau macam itu kita senang lagi untuk berbincang dari segi mengatakan untuk bertimbang rasa dan negara kita begitu baik, begitu bebas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kehadiran pendatang asing tanpa izin di negara ini seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang, Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman dan Yang Berhormat Datuk Yee Lung Fook Geoffrey. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, langkah-langkah untuk mencegah kemasukan, mengesan dan mengambil tindakan selanjutnya terhadap mereka telah pun dimaklumkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, begitu juga mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang terlibat dengan kegiatan jenayah di negara ini.

Mengenai syor Yang Berhormat Puan Hajah Habshah supaya pendatang tanpa izin yang ditangkap boleh dijamin. Sukalah saya menjelaskan di sini iaitu

pendatang tanpa izin kerana mereka masuk tidak teratur dan tanpa izin, setelah ditangkap dalam operasi-operasi tidak boleh dibebaskan dengan jaminan oleh sesiapa pun termasuklah saudara-mara mereka yang terdiri daripada rakyat negara ini dan kerajaan terpaksa menghantar pulang mereka ke negara asal.

Oleh kerana itu sekiranya ada saudara-mara penduduk warganegara yang tinggal secara tanpa izin, mereka dinasihatkan supaya menyerah kepada Jabatan Imigresen Malaysia dan akan dibenarkan pulang secara teratur selepas membayar kompaun yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen.

Berhubung dengan cadangan supaya ditubuhkan satu lembaga penasihat untuk memeriksa kem-kem tahanan sementara Imigresen, sukaiah dimaklumkan bahawa kerajaan telah pun mewujudkan sebuah lembaga pelawat bebas untuk melawat depot-depot tahanan Imigresen dari masa ke semasa.

Mengenai saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin, kerajaan sentiasa mengawasi ceramah-ceramah atau perhimpunan mana-mana pertubuhan atau persatuan sama ada parti politik atau NGO bagi memastikan setiap perhimpunan berjalan dengan teratur dan tidak menyalahi undang-undang.

Setiap pertubuhan perlu juga mendapatkan kebenaran bertulis dari pihak polis terlebih dahulu sebelum mengadakan sesuatu perhimpunan. Bagi kumpulan yang menyebarkan ajaran agama yang menyeleweng yang boleh mengancam keselamatan negara seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah, kerajaan bersedia untuk mengambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu mengikut rekod polis terdapat 36,941 rekod saman bagi kesalahan lalu lintas melibatkan rakyat Singapura. Dari jumlah tersebut hanya 9,258 kes iaitu kira-kira 25% yang telah dijelaskan. Pihak polis mengadakan kerjasama erat dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menjawab perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri, namun demikian sekiranya masih terdapat pertanyaan atau teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum dijawab,

perhatian sewajarnya tetap akan diambil oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menjawab.

5.22 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli Dewan Negara yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Diraja yang juga telah memberi pandangan, teguran dan syor-syor terhadap tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin telah membangkitkan perkara-perkara berhubung kejayaan dasar penswastaaan yang tidak tercapai sepenuhnya dan di samping itu personaliti-personaliti serta syarikat-syarikat konsesi yang menyertai dasar penswastaaan juga tidak berwibawa.

Suka saya perjelaskan bahawa dasar penswastaaan yang dilaksanakan oleh kerajaan telah banyak memberi faedah kepada kerajaan serta rakyat terutamanya dalam menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur, perhubungan dan telekomunikasi, perkhidmatan dan sistem jalan raya yang terkini. Sekiranya kemudahan-kemudahan tersebut kekal disediakan oleh kerajaan, rakyat mungkin tidak dapat menikmati kemudahan seperti yang disediakan melalui program penswastaaan memandangkan keupayaan kewangan kerajaan adalah terhad dan ianya juga perlu disalurkan kepada program lain seperti pendidikan, kesihatan, program membasmi kemiskinan dan sebagainya yang wajar diberi keutamaan. Di samping itu, program penswastaaan juga telah memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan negara.

Berhubung dengan pemilihan syarikat konsesi pula, suka saya menyatakan di sini bahawa pemilihan dibuat berdasarkan penelitian yang mendalam yang dikendalikan oleh dua buah jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Kecil Kewangan dan Jawatankuasa Kecil Teknikal yang dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan. Hasil penilaian kedua-dua jawatankuasa kecil tersebut, seterusnya akan

dikemukakan kepada Jawatankuasa Penswastaan Unit Perancang Ekonomi (EPU) yang akan membuat tapisan selanjutnya sebelum perakuan dibuat kepada pihak kerajaan. Ini bermakna tapisan yang ketat telah dibuat bagi memastikan syarikat yang dipilih akan melaksanakan projek dengan jayanya.

Walau bagaimanapun, kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang ini, sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada beberapa syarikat konsesi dalam melaksanakan projek penswastaan sebagaimana yang dirancangkan sebelum ini. Ini adalah kerana masalah yang dihadapi ini adalah diluar jangkaan dan kesannya akan dirasai walau seteguh mana pun kedudukan kewangan syarikat konsesi berkenaan. Ini disebabkan kos sesuatu projek penswastaan menjangkau kepada jumlah yang besar dan sumber pembiayaannya tidak mungkin dapat dibuat melalui sumber dalaman tetapi terpaksa juga dibiayai melalui pinjaman. Dalam keadaan biasa, syarikat konsesi tidak mungkin akan menghadapi masalah, tetapi disebabkan kegawatan ekonomi yang kurang baik ini telah menjejaskan pelaksanaan projek penswastaan. Dalam hubungan ini, syarikat konsesi terpaksa membuat penelitian dan perancangan semula terutama dalam aspek kewangan dalam melaksanakan projek penswastaan. Dakwaan seperti ini tidak sepatutnya berbangkit sekiranya masyarakat menyedari masalah sebenar yang dihadapi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii mencadangkan supaya usaha penswastaan dapat dipertingkatkan dan memerlukan penelitian rapi. Di samping itu, beliau juga menyarankan supaya mutu perkhidmatan dan bayaran yang dikenakan mestilah dikawal dan sekurang-kurangnya dikekalkan setanding dengan sebelum ia diswastakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar penswastaan dilaksanakan dengan tujuan supaya perkhidmatan yang diswastakan tersebut dapat disediakan secara lebih cekap dan inovatif, setanding dengan perkhidmatan yang disediakan di negara-negara maju. Sejak dasar penswastaan ini dilaksanakan, banyak industri perkhidmatan yang berkenaan telah berkembang dengan pesatnya dan telah menawarkan pelbagai perkhidmatan baru yang bermutu tinggi.

Di atas cadangan supaya kadar bayaran yang akan dikenakan selepas penswastaan sekurang-kurangnya dikekalkan setanding dengan sebelum ia diswastakan, perkara ini telah diteliti dengan mendalam dan didapati sesuai hanya

bagi beberapa kes sahaja. Ini adalah kerana semasa perkhidmatan dikendalikan oleh kerajaan, caj yang dikenakan tidak mengambil kira keseluruhan kos bagi menyediakan perkhidmatan. Ini bermakna kerajaan menanggung subsidi dengan menggunakan hasil cukai yang dipungut daripada rakyat dan menyerap sebahagian daripada kos yang terlibat. Melalui penswastaaan, pihak syarikat akan mengenakan caj berasaskan full costing, dengan izin, yang berkemungkinan lebih tinggi sedikit daripada caj sebelum ianya diswastakan.

Kadar ini adalah lebih adil kerana pengguna wajar bersedia membayar pada kadar yang munasabah bagi mendapat perkhidmatan yang bermutu dan cekap tanpa mengharap subsidi daripada pembayar cukai. Ini kerana keupayaan kewangan kerajaan adalah terhad untuk menyediakan perkhidmatan berkenaan yang memerlukan pelaburan yang besar.

Bagi memastikan mutu perkhidmatan yang berkualiti dan bayaran yang akan dikenakan selepas penswastaaan tidak membebaskan pengguna, kerajaan telah membentuk badan-badan kawal selia yang antara lain bertanggungjawab untuk menentukan mutu perkhidmatan yang disediakan adalah selaras dengan garis panduan yang ditetapkan dan kadar caj ataupun tarif yang munasabah dan tidak membebaskan para pengguna. Di samping itu juga, sebarang kenaikan caj ataupun tarif perlulah mendapat kelulusan daripada kerajaan sebelum ianya berkuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin pula membangkitkan isu mengenai golongan korporat yang dilahirkan menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Penswastaaan Negara (DPN) suka bermegah-megah dan menunjuk-nunjukkan kekayaan mereka. Suka saya memaklumkan bahawa dakwaan ini sebenarnya sukar dibuktikan kerana gambaran kekayaan dan kemewahan yang dinikmati oleh golongan ini tidak bererti mereka itu lupa kepada tanggungjawab sosial.

Walaupun mungkin ada segelintir daripada mereka yang bersikap demikian, bukanlah menjadi hasrat kerajaan untuk mewujudkan golongan korporat seperti ini, bahkan dalam pelaksanaan setiap program di bawah DEB mahu pun DPN, kerajaan sentiasa mengambil kira pelbagai aspek termasuk aspek-aspek sosial dan peranan yang perlu dimainkan oleh golongan yang terlibat. Bagi pelaksanaan

program-program tertentu seperti program penswastaan, kewajiban ini juga dijadikan sebahagian daripada syarat untuk tanggungjawab sosial (social obligation), dengan izin, yang perlu dimainkan oleh golongan berkenaan. Sekiranya mereka gagal berbuat demikian, kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan berdasarkan kepada persetujuan atau perjanjian yang telah dibuat termasuk tidak memberikan peluang seterusnya untuk golongan ini.

Yang Berhormat Datuk Zainudin juga telah membangkitkan soal golongan korporat yang telah memindahkan kekayaan mereka ke bank-bank asing sama ada di dalam ataupun di luar negeri tidak memiliki semangat patriotik. Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk menghalang mereka berbuat demikian kerana sesetengah pemindahan tersebut dibuat berdasarkan kepada rasional perniagaan. Namun demikian, kerajaan tidak menggalakkan di masa negara menghadapi krisis ekonomi sekarang. Mana-mana golongan yang sengaja memindahkan kekayaan mereka ke luar negara atas sebab kurang keyakinan kepada potensi ekonomi dan situasi semasa negara adalah dianggap tidak patriotik dan tidak mempunyai semangat kental cintakan negara.

Menyentuh mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa sesetengah golongan korporat yang mendapat projek penswastaan tidak menjalankan tanggungjawab sosial mereka, perkara ini juga sukar untuk diperjelaskan memandangkan bahawa kenyataan tersebut adalah bersifat umum tanpa menyebut sebarang bukti yang kukuh. Sebenarnya salah satu syarat dalam perjanjian penswastaan ialah kerajaan akan memastikan bahawa syarikat konsesi melaksanakan tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat termasuk penyediaan program latihan, pemindahan teknologi dan memperuntukkan sebahagian kontrak kerja kepada kontraktor bumiputera serta terus melaksanakan program perkhidmatan yang tidak berdaya maju yang sebelum ini dijalankan oleh kerajaan.

Perlu diperjelaskan juga di sini bahawa pelaksanaan program penswastaan bukan bermakna sesetengah golongan dapat mengaut keuntungan semata-mata. Sebaliknya, program ini dilaksanakan dengan tujuan supaya perkhidmatan atau projek yang diswastakan dapat disediakan secara lebih cekap dan inovatif

setanding dengan perkhidmatan yang disediakan di negara-negara maju. Dalam melaksanakan program penswastaaan, kerajaan juga menyedari bahawa syarikat konsesi perlu memperolehi keuntungan yang munasabah bagi membiayai pelaburan modal yang besar yang perlu disediakan di samping ianya memberi inisiatif kepada pihak swasta yang berkenaan bagi meningkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan yang diberi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng pula telah membangkitkan soal syarikat-syarikat konsesi yang mendapat projek-projek penswastaaan bersikap sombong dan melupakan tanggungjawab sosial mereka. Sebelum kegawatan ekonomi mereka begitu sombong dan berani mengugut kerajaan dalam usaha untuk memenuhi kepentingan syarikat mereka, tetapi apabila berlaku kegawatan ekonomi sekarang ini mereka tidak silu-silu meminta bantuan kerajaan.

Kerajaan prihatin kepada nilai kebajikan dan tanggungjawab sosial adalah merupakan intipati penting di dalam mana-mana projek penswastaaan. Dalam hubungan ini, kerajaan telah menetapkan bahawa agensi-agensi yang diswastakan perlu juga memikul tanggungjawab sosial yang berkaitan. Untuk tujuan ini, tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan dimasukkan atau terkandung dalam perjanjian penswastaaan dan lesen yang dikeluarkan kepada agensi yang diswastakan tersebut. Antara syarat-syarat tersebut termasuklah menyediakan perkhidmatan yang tidak berdaya maju melalui subsidi silang seperti Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad yang perlu menyediakan perkhidmatan mereka ke kawasan luar bandar. Peraturan subsidi silang ini juga akan dikenakan ke atas perkhidmatan lain yang diswastakan kelak. Di samping itu, agensi-agensi utama yang diswastakan juga diperlukan melaksanakan tanggungjawab sosial yang lain seperti:

- (i) membantu kerajaan dalam mewujudkan golongan usahawan bumiputera dalam sektor korporat dan seterusnya membantu melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang berdaya tahan dengan memberi perkhidmatan bimbingan;

- (ii) menyediakan kemudahan latihan kepada golongan usahawan kecil seperti yang dilaksanakan oleh TNB dan Telekom; dan
- (iii) mewujudkan skim vendor dan konsep payung yang bertujuan untuk melatih dan memberi peluang kepada pembekal bumiputera dan bukan bumiputera untuk mengambil bahagian dalam industri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Habshah binti Haji Osman meminta supaya kerajaan mengkaji semula Dasar Penswastaan Negara. Pada masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk mengkaji semula dasar penswastaan yang sedia ada. Ini memandangkan bahawa program penswastaan telah memberi manfaat kepada semua pihak termasuk kerajaan dan pengguna. Malah program penswastaan telah dikenal pasti boleh menyumbang ke arah mengurangkan kesan keadaan ekonomi yang kurang baik sekarang dan berupaya membawa Malaysia keluar daripada kedudukan sekarang dengan lebih cepat.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya kerajaan mewujudkan sebuah badan khusus untuk mengendalikan urusan penswastaan, saya dinyatakan di sini bahawa kerajaan berpendapat badan khusus itu tidak perlu diwujudkan bagi menguruskan semua perkara mengenai penswastaan. Ini memandangkan struktur yang sedia ada yang membolehkan proses penswastaan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Penswastaan yang dianggotai oleh Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan kementerian yang berkaitan.

Di samping itu, badan kawal selia akan diwujudkan untuk mengawal selia entiti atau agensi kerajaan yang diswastakan. Badan kawal selia ini berperanan untuk menentukan entiti atau agensi yang diswastakan tersebut mengikut aspek-aspek piawaian, keselamatan dan mutu perkhidmatan yang telah ditetapkan supaya perkhidmatan yang diberi adalah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Di samping itu, badan kawal selia ini juga berfungsi untuk menentukan supaya tarif atau caj yang dikenakan oleh syarikat swasta adalah berpatutan kepada pengguna-pengguna.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyiasat syarikat-syarikat yang diswastakan dan melakukan penyelewengan, untuk makluman Yang Berhormat bahawa BPR boleh pada bila-bila masa menyiasat syarikat-syarikat yang diswastakan sekiranya berlaku sebarang penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor telah membangkitkan masalah murtad yang berlaku di kalangan umat Islam di negara ini. Sehubungan itu, Ahli Yang Berhormat menggesa kerajaan segera mewujudkan Undang-undang Murtad dalam usaha menangani masalah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa kerajaan memandang serius gejala murtad yang berlaku di kalangan umat Islam di negara ini dan pelbagai langkah telah diambil untuk menanganinya. Di segi perundangan, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil telah selesai menggubal draf rang undang-undang berkaitan dengan murtad yang bertujuan untuk membimbing, mengawal dan mencegah perbuatan tersebut daripada berlaku dengan agak mudah. Draf ini hendaklah diselaraskan dengan kehendak negeri-negeri kerana undang-undang syarak adalah di bawah kuasa negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja perkara yang menyentuh Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, ianya akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul atas nama Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, iaitu:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu

ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan
berbanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan
Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen
Kesembilan.”

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan
kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian
bunyinya:

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam
Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu
ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan
berbanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan
Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen
Kesembilan.”

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1997) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.51 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 1997 dan bagi peruntukan jumlah wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali kedua sekarang.

Rang undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM7,020,420,263 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 1997 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1997 adalah berjumlah RM9,302,302,123 daripada jumlah ini sebanyak RM7,020,420,263 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini. Manakala bakinya sebanyak RM2,281,881,860 adalah perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

- (i) tambahan sebanyak RM6.7 bilion di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan;
- (ii) tambahan sebanyak RM138 juta di bawah Maksud B.25 Kementerian Pertahanan untuk bayaran emolumen dan perbelanjaan Angkatan Tentera Malaysia di Bosnia-Herzegovina;
- (iii) tambahan sebanyak RM50.4 juta di bawah Maksud B.36, Polis Diraja Malaysia untuk membiayai pelaksanaan penyusunan semula perjawatan Polis Diraja Malaysia dan sebahagian bayaran imbuhan kakitangan;
- (iv) tambahan sebanyak RM39.8 juta di bawah Maksud B.26, Kementerian Pendidikan untuk membiayai bayaran emolumen dan sebahagian bayaran imbuhan kakitangan;
- (v) tambahan sebanyak RM30.3 juga di bawah Maksud B.8, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membiayai tambahan biasiswa kepada penuntut-penuntut tajaan JPA di seberang laut berikutan penurunan nilai Ringgit dan kenaikan kadar biasiswa bagi penuntut-penuntut di dalam negeri;
- (vi) tambahan sebanyak RM19.4 juta di bawah Maksud B.47, Kementerian Pengangkutan untuk menjelaskan tuntutan subsidi kepada KTM Berhad atau atas kerugian yang dialami bagi perkhidmatan sosial dan run-train penumpang yang tidak ekonomik;

- (vii) tambahan sebanyak RM18.6 juta di bawah Maksud B.34, Kementerian Kesihatan untuk membiayai bayaran emolumen bagi pengambilan anggota tambahan dan sebahagian imbuhan kakitangan;
- (viii) tambahan sebanyak RM15.3 juta di bawah Maksud B.16, Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk membiayai bayaran elaun dan sugu hati kepada anggota Bomba yang menganggotai pasukan operasi memadamkan kebakaran hutan di Indonesia dan juga bayaran emolumen dan sebahagian imbuhan kakitangan;
- (ix) tambahan sebanyak RM11.7 juta di bawah Maksud B.51, Kementerian Luar Negeri untuk menampung perbelanjaan bagi menganjurkan Mesyuarat Tahunan Menteri-menteri Luar ASEAN pada bulan Julai 1997, Mesyuarat Tidak Rasmi ASEAN pada bulan Disember 1997, Persidangan Kemuncak G-15 dan sumbangan bantuan Kerajaan Malaysia kepada negara-negara asing; dan
- (x) tambahan yang lain sebanyak RM4.6 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pelbagai perkhidmatan di bawah Maksud B.13 - Pejabat Setiausaha Persekutuan di Sarawak, B.34 - Jabatan Muzium dan Antikuiti, B.27 - Jabatan Perpustakaan Negara, B.40 - Jabatan Penjara dan B.45 - Kementerian Sumber Manusia.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1997 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1998 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15A, Tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk

Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dato' Aziz.

5.57 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang yang dibentangkan sebentar tadi yang berjumlah RM7.02 bilion. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan, sungguhpun kita berdepan dengan keadaan kegawatan ekonomi yang begitu teruk pada masa ini, tetapi kita terus menjalankan tanggungjawab kita dengan memberikan peruntukan-peruntukan tertentu kepada kementerian-kementerian yang seharusnya menerima peruntukan ini bagi menjalankan kegiatan-kegiatan pentadbiran dan pembangunan. Syabas saya ucapkan kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan keprihatinan kerajaan terutama sekali bagi menentukan pengwujudan keadaan keselamatan di negara kita ini. Peruntukan sebanyak RM50.4 juta kepada Maksud B.36, iaitu Perkhidmatan Polis dari segi keselamatan amatlah disanjung tinggi kerana kita dapati sungguhpun ada pendapat-pendapat yang mengatakan bahawa pihak polis kita ini telah pun menjalankan tugas bukan sahaja dari segi keselamatan tetapi juga sebagai judge, juri, dengan izin, seperti yang diutarakan pendapat ini oleh Pengerusi Hak-hak Asasi Manusia. Kita berpendapat pihak polis sejak di zaman darurat lagi menjalankan tugas keselamatan bersama-sama dengan pihak Tentera Laut, Darat dan Udara bagi menentukan wujudnya kestabilan di negara kita ini.

Pihak polis dari segi menjalankan tugas bagi menentukan keselamatan negara terutama apabila kita berdepan dengan kegawatan ekonomi memanglah banyak kegiatan rompakan berlaku di sana-sini. Kalau kita tengok dalam surat-surat khabar kita dapati beberapa buah bank yang sama kadangkala dirompak berpuluh-puluh ribu sekarang ini, kedai-kedai barang kemas dirompak. Mereka ini

menggunakan keganasan yang amat dahsyat kerana kita dapati mereka membawa senjata-senjata api yang telah diharamkan oleh kerajaan. Apabila pihak polis dapat mengawal kegiatan-kegiatan ini dan kadangkala berkemungkinan pula mengakibatkan kematian pihak yang berkenaan, ada orang yang tidak bersetuju dengan cara yang dibuat. Tetapi suka saya di sini hendak ucapkan tahniah kepada pihak polis kerana di dalam beberapa insiden mereka terpaksa melepaskan beberapa tembakan kepada perompak-perompak ini dan mengakibatkan kematian tetapi tidak menjejaskan orang-orang awam di sekitar kawasan itu. Dengan keadaan yang demikian, pihak masyarakat awam menaruh kepercayaan kepada pihak polis kerana dapat mengawal dan mengatasi masalah yang meningkat ini daripada hasil kegawatan ekonomi yang mungkin memaksa ada pihak-pihak tertentu mencari jalan yang mudah untuk mendapatkan pendapatan secara haram menerusi rompakan kedai emas, rompakan bank dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama seperti yang pernah saya utarakan di Dewan yang mulia ini kita amat memerlukan pihak kerajaan memberi perhatian yang tidak berbelah bagi iaitu kepada Kementerian Pendidikan. Saya tengok di sini B.26 Kementerian Pendidikan telah pun diperuntukkan dengan peruntukan tambahan sebanyak RM39.8 juta. RM39.8 juta ini kita dapati kebanyakannya dijuruskan untuk hendak menentukan Kementerian Pendidikan dan disamakan pula dengan B.8 RM30.3 juta. Itu kebanyakannya diperuntukkan kepada pemberian biasiswa terutama pemberian biasiswa kepada mereka yang menuntut di luar negara. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana tidak mengambil tindakan yang diura-urakan untuk membawa pulang pelajar-pelajar kita yang menuntut di luar negara.

Pada masa yang sama izinkan saya menyatakan di sini Kementerian Pendidikan terutamanya kalau kita belum buat keputusan untuk menarik balik pelajar-pelajar tidak seharusnya membuat pengumuman kemungkinan pelajar-

pelajar di luar negara ini dibawa balik. Dengan ura-ura pengambilan balik pelajar-pelajar dari luar negara ini menyebabkan kebanyakan pelajar-pelajar di luar negara resah gelisah. Bila mereka akan dibawa pulang? Pada masa yang sama terpaksa berhadapan dengan peperiksaan terutama dalam peperiksaan hujung tahun. Apabila keputusan itu dibatalkan membiarkan mereka meneruskan pelajaran di luar negara dan diberikan pula penambahan oleh pihak kerajaan kebanyakannya daripada B.8 - RM30.3 juta Perkhidmatan Awam dan kebanyakannya biasiswa, kita mengucapkan syabas. Saya tahu ada juga di mana mereka yang diberi biasiswa atau pinjaman pembiayaan untuk belajar di luar negara oleh yayasan-yayasan di peringkat negeri ada juga yang terpaksa pulang kerana negeri-negeri terpaksa membiayai pelajar-pelajar ini secara persendirian menerusi peruntukan negeri masing-masing. Tetapi pihak Kementerian Pendidikan dengan adanya peruntukan daripada B.8 yang berjumlah RM30.3 juta ini kita mengharapkan ia dapat meneruskan dari segi membiarkan pelajar-pelajar kita menamatkan pendidikan mereka di peringkat universiti-universiti luar dan tidak payah kita bawa balik kerana ini akan menggugat dari segi psikologi pelajar-pelajar kita dan pengumuman/berura-ura hendak memanggil balik ini patut dihentikan kerana ianya menjejaskan prestasi pelajar-pelajar kita di luar negara.

Kita juga mengharapkan pejabat atau jabatan-jabatan pelajar di luar negara terutama sekali di England, London, Amerika Syarikat dan Australia, saya rasa tidak perlulah kita membuat pengumuman untuk hendak menutup pejabat-pejabat ini kerana pelajar di sana menggunakan dengan sepenuhnya pusat-pusat di mana mereka dapat berkumpul sekali sekala dan mengadu hal. Mereka sebenarnya menganggapkan Jabatan-jabatan Pendidikan yang diletakkan seperti di Bringstone Square, London dan saya difahamkan Scotland ada, di Ireland pun ada dan beberapa tempat di Amerika Syarikat, di Canberra, Sydney, Melbourne dan Perth. Saya rasa elok diteruskan kalau sekiranya kita meneruskan untuk menempatkan pelajar-pelajar kita di tempat-tempat ini termasuk pelajar-pelajar yang dibiayai oleh swasta. Bukan sahaja pelajar-pelajar yang dibiayai oleh kerajaan. Di sinilah mereka bertumpu untuk mengetahui perkembangan semasa yang berlaku di negara kita ini dan sememangnya mereka memerlukan ibu angkat dan ayah angkat di

institusi-institusi di luar negara. Di sinilah mereka mendapat maklumat-maklumat terkini dari segi apa yang berlaku di negara mereka dan kalau sekiranya pihak kerajaan hendak mengurangkan perbelanjaan, hendak memperkecilkan, saya rasa ini boleh dibuat tetapi hendak menutup sama sekali kita harus memikirkan sedalam-dalamnya. Jangan kita tergesa-gesa membuat keputusan selepas itu kita menghampakan harapan pelajar-pelajar di luar negara.

Pada masa yang sama saya ingin juga menyarankan kepada pihak kerajaan dan bertanya bagaimana berlakunya pada tahun lepas apabila kita tahu ada pelajar-pelajar yang mendapat pangkat pertama begitu mendadak, meningkat sehinggakan kita mendapati 60,000 pelajar-pelajar di negara kita menerusi Peperiksaan SPM mendapat Gred Satu/Pangkat Pertama. Pada masa yang sama apabila mereka hendak melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi menerusi UPU Infoline semuanya terkandas kerana wujudnya satu masalah teknikal di peringkat kementerian. Perkara seperti ini sepatutnya yang memudahkan cara pengambilan tetapi pada akhir-akhirnya telah pun menghampakan ibu bapa kerana kebanyakan mereka terkilan sangat apabila anak-anak mendapat 8 agregat, 9 agregat, selepas itu terpaksa ditendang mengikut sistem yang ada. Pada hal orang yang mendapat agregat yang lebih tinggi diterima, tergesa-gesa ibu bapa yang dapat dari Kelantan, ceruk Pahang, Sarawak berhimpun di sini untuk menanya khabar kedudukan sebenar. Ini menyebabkan kegelisahan ibu bapa dan sistem yang canggih yang kita hendak wujudkan sekolah-sekolah bestari dan sebagainya. Sampai pada saat yang kritikal untuk menerima pelajar menyertai institusi-institusi pengajian tinggi terkandas di peringkat belum masuk lagi, baru cuba hendak menentukan dapat atau tidak dapat dihampakan oleh satu sistem yang gagal untuk disempurnakan kepada pelajar-pelajar yang bakal menyertai institusi-institusi pengajian tinggi.

Pada masa yang sama di peringkat swasta pula saya difahamkan cara hendak mengambil mereka ini diberikan kepada KUB. Kalau ianya benar saya hendak ucapkan tahniah kepada KUB, satu usaha kerajaan memberikan pihak swasta menguruskan kemasukan anak-anak di Malaysia ini untuk disalurkan menerusi sistem KUB kepada institusi pengajian tinggi swasta. Kalau ini dapat dijalankan dengan baik saya yakin dan percaya 60,000 pelajar-pelajar yang mendapat pangkat

pertama menerusi SPM ini kemungkinan besar kebanyakan mereka dapat ditempatkan di universiti atau institusi pengajian tinggi yang lain dan sebagainya.

Pada masa yang, Tuan Yang di-Pertua, seperti pernah saya sarankan di Dewan yang mulia ini kita tidak perlu hanya memikirkan general-general sahaja. Kita memerlukan askar-askar yang lebih ramai kerana dalam kita membangunkan ekonomi kita, dalam kita menganjukkan paradigma perkembangan baru ekonomi yang begitu global secara perdagangan yang paling liberal ini, kita dapati kekuatan sesebuah negara untuk mendapatkan satu persaingan hebat di peringkat dunia global ialah kekuatan tenaga mahir satu-satu negara.

Negara jiran seperti Singapura mungkin telah berjaya untuk mengalih pandangan dunia daripada negara yang pernah satu ketika mengeluarkan barang-barang dengan kos yang rendah, tenaga yang murah kepada tenaga yang mahir/skill labour, semi-skill pun sudah tidak ada. Pada suatu ketika kalau kita ingat di Singapura misalnya, pekerja-pekerja asing dibawa masuk selepas itu bukan main susah negara ASEAN hendak masuk ke Singapura. Mereka beralih ke Malaysia dan kita menerima tenaga-tenaga kerja luar sama ada dari Thailand, Indonesia kerana waktu itu dari segi pelaburan dengan izin, foreign direct investment (FDI) kebanyakannya mencurah pula ke negara kita untuk membuat produk-produk yang berasaskan kepada kos tenaga yang murah. Tetapi pelaburan seperti ini yang berasaskan kepada kos tenaga yang murah akan berpindah pula ke tempat-tempat lain, negara-negara lain sekiranya kos di negara kita meningkat dan sememangnya ianya meningkat. Sebab itu baru-baru ini dalam Dewan yang mulia ini, kita dapati 18 buah kilang-kilang pembuatan terpaksa ditutup kerana kebanyakan mereka telah berhijrah ke negara-negara lain kerana kos pembuatannya masih lagi murah. Jadi kita tidak boleh bergantung sangat kepada pelaburan yang berasaskan kepada penggunaan tenaga yang murah. Ini akan dengan izin, to condemn the country into a low productivity sector iaitu sektor produktiviti yang rendah. Yang kita perlu ialah total factor productivity (TFP) yang tinggi yang berasaskan kepada tenaga mahir.

Jadi selain daripada mewujudkan institusi-institusi pengajian tinggi baik swasta mahupun awam yang perlu ialah kolej dengan diploma-diploma yang

hendak membuat kimpalan dan sebagainya. Pekerja-pekerja kolar biru untuk hendak menyokong industri-industri multimedia ini, untuk menyokong industri-industri pembuatan. Bukan sahaja Proton, banyak lagi. Mereka ini terpaksa kita kembangkan. Ya, kita ada tenaga mahir seperti dari Institut Kemahiran MARA dan sebagainya tetapi yang perlu kita perbanyakkan ialah institusi seperti ini.

Lepasan sekolah peringkat SPM disalurkan setahun, dua menerusi institusi semacam ini untuk dijadikan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran untuk menyokong kita meningkatkan lagi produktiviti kita sebagai pusat yang hanya menerima pelaburan yang memerlukan tenaga semacam ini dan kita tidak perlu bergantung hanya kepada insentif yang mengandungi kos tenaga yang murah.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana dalam keadaan kegawatan ekonomi ini kita menyediakan tenaga-tenaga ini kerana pada masa setahun, dua, insya-Allah apabila ekonomi kita kembali kepada tahap yang lama, tahap yang sebelum 2 Julai 1997, kita sudah bersedia dengan pekerja-pekerja yang mampu untuk hendak menerima pelaburan-pelaburan baru.

Jadi, pihak kerajaan dalam hal ini tidak sepatutnya membantutkan perkembangan tenaga-tenaga mahir ini, sungguhpun keadaan ekonomi sekarang ini tidak memerlukan tenaga-tenaga ini, tetapi kita memikirkan apa yang akan berlaku dua tahun, tiga tahun dan lima tahun yang akan datang, persiapan kita. Kita tidak mahu kegawatan ekonomi kerajaan stop buat ini, buat itu, kita kurangkan - tak perlu, sektor-sektor tertentu dipertingkatkan lagi dari segi peruntukan kerana kita tahu pada masa kemelesetan ini bila sampai masa ekonomi membangun semula, kita sudah siap sedia dengan tenaga-tenaga pekerja, cukup untuk hendak menentukan mereka dapat memenuhi kekosongan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, pemikiran yang semacam inilah sepatutnya kita ambil dan jangan kita across the board, dengan izin, 18% potong - potong di setiap kementerian. Saya hendak ucapkan tahniah baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan dari segi pendidikan bila Yang

Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib, Menteri Pendidikan merayu - dapat, saya dengar dapat dekat RM200 juta atau RM300 juta untuk hendak menampung keperluan mereka yang meningkat dari segi prestasi SPM yang melibatkan Gred Satu ini. Tetapi saya hendak bertanya, adakah ramai di antara Gred Satu ini kerana penilaian sudah kurang, sudah turun ataupun penilaian masih lagi di tahap yang lama dan mereka sekarang ini lebih pintar daripada dahulu, kalau dapat pihak kementerian memberikan jawapannya, kerana banyak orang yang bertanya adakah 60,000 Gred Satu ini kerana standardnya telah menurun, piawaian kita sudah berubah tetapi adakah ianya merupakan benar-benar mereka ini mampu mendapat Gred Satu kerana sudah bijak, cara pendekatan pendidikan sudah berubah, anjakan paradigma pendidikan sudah pun berjaya, ha itu kita hendak tahu supaya keyakinan tidak terhakis daripada sistem pendidikan yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tekankan pendidikan ini kerana rata-rata kita perhatikan dalam dunia ini, ilmu merupakan satu-satu faktor yang keempat sekarang ini, kalau dahulunya mengikut teori ekonomi klasik yang sekarang ini menteri pun minta ubah, saya pun sudah berucap lama dah ini, Menteri Kewangan pun dalam satu ucapannya mengatakan di universiti-universiti tempatan ubah sedikit cara teori ekonomi ini, bahkan zaman 'Kent Supentar' ataupun sesiapa di zaman dahulu, saya pun sudah lupa dah, dahulu belajar menerusi 'higgs' dan sebagainya Tingkatan VI - ekonomi cara dahulu, sekarang sudah bertukar, kalau dahulu hanya tiga faktor untuk hendak membangunkan ekonomi - land, capital dan labour (tenaga), sekarang tambah yang keempat - ilmu - knowledge, yang itulah sepatutnya menjadi asas kepada pembangunan ekonomi kita, satu dimensi baru iaitu ilmu, kepintaran dan kebijaksanaan tenaga kerja.

Sebab itulah, kita hendak ucap tahniahlah kalau sekiranya benar dari segi proses pendidikan telah pun dapat melahirkan dengan jayanya tenaga-tenaga yang dapat mengisi kekosongan apabila kita bersiap sedia meningkatkan pembangunan ekonomi kita semula setelah kegawatan ekonomi berlalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dengan B.47 - Kementerian Pengangkutan, subsidi kepada KTM. Saya pun tidak berapa faham bagaimana banyaknya subsidi yang diberi kepada KTM. Saya diberitahu KTM sekarang ini telah pun dikorporatkan dan pada masa yang sama KTM mempunyai aset-aset tertentu yang begitu banyak, di Singapura ada dan di merata tempat, kalau kita nilaikan aset-aset KTM ini tak tahulah berapa banyak, saya pun tak tahu, pernah kita minta nilai aset KTM tetapi sekarang ini setelah diambil alih oleh konsortium baru ini, adakah aset-aset ini digunakan bagi menentukan KTM itu dapat dari segi pendapatannya meningkat menerusi eksploitasi aset-aset yang ada secara komersial dan kalau ini dibuat kemungkinan RM19.4 juta ini tidak perlu kita beri lagi, subsidi boleh di'subsidise'kan daripada perdagangan dan perniagaan yang dibuat dari segi peningkatan pendapatan daripada aset-aset yang sedia ada, tetapi saya melihat di Brickfields masih belum dibangunkan lagi, itu tanah prime itu saya dengar cerita dahulu sudah dijual ke negara Jepun satu pakej MRCB, tetapi tidak nampak ada kesan pembangunannya, mungkin sekarang ini dalam kegawatan ekonomi sedang melanda sudah tidak berjalan lagi.

Tetapi bagaimanakah KTM dengan wujudnya aset yang begitu banyak di seluruh pelosok negara dapat menentukan tidak lagi memerlukan subsidi seperti RM19.4 juta ini, saya tahu wakil-wakil rakyat pun diberi pas, saya naik sekali KTM hendak cuba naik KTM ini dengan menggunakan pas, saya booked dia kata tidak ada tempat tidur, hendak pergi ke Pulau Pinang hendak berjumpa dengan seorang profesor di Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang, pertama kali saya naik setelah saya tidak menaiki kereta api selama lebih kurang 20 tahun lebih, semasa saya di Maktab Tentera Diraja saya naik kereta api free, semasa itu dapat kelas dua, dapat tempat tidur hendak balik kampung ini pada setiap cuti sekolah dan waktu itu Maktab Melayu pun dapat free juga tetapi kelas tiga, Maktab Tentera Diraja dapat kelas dua, itu istimewanya masuk ke Maktab Tentera Diraja ini.

Tetapi baru-baru ini saya ingat setahun yang lepas saya gunakan pas yang diberi kepada kita Ahli Dewan Negara ini hendak booked tempat tidur tidak dapat,

tak apa duduk bersama dan ada dua, tiga rakan semasa itu, sangkut di Kuala Kangsar, injinnya rosak dan sebagainya selama empat jam, appointment saya pada pagi pukul 10.00 pagi di Pulau Pinang, sampai di Pulau Pinang dekat pukul 12.00 tengah hari, habis hancur segala program, balik saya terus naik kapal terbang.

Jadi, soalnya sekarang ini apabila kita sudah berikan segala program pembangunan yang telah dibuat oleh KTM, kecanggihannya dari segi perkhidmatan sepatutnya mencerminkan

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, dia sudah naik kereta api, lama dia tidak naik, saya pun naik juga kereta api baru ini sekali. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, apa perbezaannya naik kereta api hari ini dengan Dato' Abdul Aziz naik kuda? *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sepatutnya tak perlu saya jawab, tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini atau pertanyaan sahabat saya, naik kuda ini maklum sahajalah, mestilah berbeza, kuda itu bukannya mesin, dia merupakan satu haiwan yang diberi keistimewaan oleh Allah S.W.T. sejak zaman-berzaman lagi sejak zaman Nabi dan sebelum daripada itu Alexander The Great dan sebagainya naik kuda belaka dan juga orang Tatar di central of asia bila hendak menguasai

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Betul atau tidak orang kata naik kuda ini tak payah makan pil Viagra, *[Ketawa]* maknanya khasiatnya itu, betul atau tidak Yang Berhormat?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya belum makan lagi pil Viagra ini, belum sampai ke sini lagi, sungguhpun saya tahu ada Yang Berhormat telah pun menulis surat kepada Amerika Syarikat untuk dibawa balik ke sini pil Viagra ini. *[Ketawa]*

Jadi, perbezaannya naik kuda ini sebenarnya, merupakan satu sunnah yang seperti juga berenang, memanah, naik kuda ini satu sunnah yang kita kalau dapat berkesempatan silalah naik dan cara hendak naik kuda untuk serupa dengan Viagra ini naik kuda tanpa tempat duduk yang disediakan, naik kuda bareback, dengan izin,

dan kita pun bareback juga, jadi bareback sama bareback [*Ketawa*] kekuasaannya kena peluh kuda bagi menentukan kekuatan kita itu sama dengan kuda. Ini saya diberitahu, saya tak pernah buat seperti ini lagi. [*Ketawa*]

Jadi, kereta api ini berbeza sedikit. Kereta api kita ini sebenarnya setelah kita wujud kereta api yang boleh pergi macam Oriental Express daripada Singapura sampai ke Thailand tetapi dari segi iklan kebanyakannya at Singapura, daripada Singapura dia tidak banyak memberi iklan sungguhpun saya difahamkan Kereta Api Oriental Express ini merupakan kepunyaan salah seorang daripada usahawan dari Malaysia. Tetapi dari segi iklannya kebanyakannya lebih terkenal untuk naik kereta api ini daripada Singapura sampai ke Bangkok. Jadi, saya hairan kenapa Kuala Lumpur tidak dijadikan destinasi permulaan atau pengakhiran dari segi pelancong-pelancong luar kerana dengan naik kereta apilah kita dapat menyaksikan bagaimana indahnya terutama sekali kawasan-kawasan di Lipis dan kalau hendak lebih indah lagi mungkin ke Gua Musang dan sampailah ke Kota Bharu, ke Tumpat dan sebagainya, saya pun tak tahu sama ada kereta api ada sampai ke Tumpat ataupun tidak, tetapi ke Gua Musang dan Pasir Mas saya tahu ada kereta api sampailah ke Golok dan sebagainya ke atas itu.

Jadi, untuk pengetahuan kerajaan, saya inginlah hendak menyatakan di sini kalau sekiranya rangkaian kereta api ini dapat kita sampaikan pula ke Terengganu, Pahang sudah merasa kereta api, kalau hendak pergi ke Kota Bharu sekarang, seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, kita dari Kuala Lumpur ini terpaksa pergi ke Gemas dahulu lepas itu naik ke atas sampai ke Teriang, ke Mentakab, Jerantut, Lipis, Gua Musang dan seterusnya ke atas. Ura-ura untuk membuat laluan kereta api dan saya hendak merayu kepada pihak kerajaan kalau kita hendak membangunkan kawasan pantai timur, Pahang, Terengganu, Kelantan terutamanya, kita memerlukan kereta api laju daripada Kuala Lumpur merentasi Bentong - kita terowong sudah ada dua sekarang ini, sungguhpun kita kena bayar RM6.40 sekarang ini tolnya bukan main mahal lagi dan saya tahu Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin sudah pernah mengutarakan masalah ini dan saya

harap ianya mendapat tindakan kerajaan juga untuk menyemak semula bagaimana pula RM6.40 sen pergi dan balik kebanyakan pekerja-pekerja dari negeri Pahang dari Bentong terutamanya dari Karak, mereka pergi bekerja ke Kuala Lumpur bertolak pada pukul 5.00 pagi kalau bayar RM6 pergi dan RM6 balik berjumlah RM12 sehari, $12 \times 7 = RM84$ dan $RM84 \times 4 = RM336$ lebih. Kalau gajinya RM1,000 sebanyak RM300 habis di situ sahaja.

Jadi, kita merayulah, kalau hendak membangunkan atau hendak meneruskan pembangunan di sebelah Bentong, di sebelah Karak, tol ini terpaksa dikaji semula dan kalau tidak ini sebenarnya dasar, adanya jalan-jalan raya, lebu-lebuh raya besar ini dengan tol, ianya memberi alternatif kepada rakyat jelata jalan alternatif tetapi jalan alternatif yang ada daripada Kuala Lumpur hendak pergi ke Bentong adalah jalan alternatif yang paling teruk sehinggakan menteri sendiri pun mengakui kalau hendak rosak kereta ikutlah jalan alternatif.

Saya hairan, seorang Menteri yang dulunya mengatakan dasar penswastan jalan raya di mana ianya terpaksa dibayar tol kepada pengguna, pengguna diberi pilihan untuk menggunakan jalan alternatif. Apabila pilihan diberi, jalan alternatif terpaksa dijaga sebaik mungkin. Tetapi Menteri mengatakan gunalah jalan lebu raya MTD ini, kerana jalan alternatif akan merosakan kereta, pasal teruk sangat.

Ada kenyataan (statement) ini dikeluarkan di akhbar oleh seorang Menteri yang dulunya mengatakan kerajaan akan memberikan jalan alternatif yang sesuai kepada mereka yang tidak hendak membayar tol, yang tidak mahu membayar tol menggunakan highway, boleh menggunakan jalan alternatif tetapi dia sebut jalan alternatif teruk dan akan merosakan kereta. Ini, saya hendak pihak kerajaan membetulkan kenyataan ini. Kalau inilah maksudnya ianya tidak menepati janji yang dibuat untuk memberikan jalan alternatif yang sesuai, ianya boleh digunakan seperti biasa.

Saya hendak tanya sekarang berapa banyak peruntukan diberi untuk membaiki jalan lama daripada Kuala Lumpur menerusi Bentong dan sebagainya dan kalau tak ada mengapa dan kalau betul kerajaan menyatakan di dalam ucapannya dulu, sebagai satu dasar akan membuat jalan alternatif yang boleh

digunakan oleh rakyat jelata tanpa was-was, maka saya rasa ramai akan menggunakan jalan itu. Jalan itu lagi elok fasal dia hening-bening, cakap sasteranya, di mana angin tiup sepoi-sepoi bahasa, fasal lalu dekat Janda Baik, kehijauan masih ada, pokok-pokok besar masih redup, dingin, tak payah pakai hawa dingin, kalau ikut jalan itu. Tapi sampai di Bentong hendak pergi ke Raub, tempat kawasan sahabat saya, dulunya jalan itu bertahun-tahun dia hendak buat, hendak pecahkan selekoh, apa semua, sekarang saya tidak tahu, sudah lama tidak mengikuti jalan itu, bukan main teruk.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada [*Ketawa*].....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, jalan mana Yang Berhormat Dato' kata, dia tak sebut nama, saya rasa jalan daripada Bentong ke Kuala Lipis yang teruk sangat bengkok-bengkok itu, sudah sebelum prewar, dengan izin, pun begitu jugalah, jadi jalan-jalan yang lain dibaik. Untuk menguatkan lagi hujah Dato' tadi, jalan, dengan izin alternative road ini yang di Bentong itu bukan sahaja rosak teruk sangat, pada satu masa tidak boleh digunakan, jalan disekat, alternative road ini, tak boleh digunakan langsung. Entah berapa lama saya tak tahu, tapi saya nampak di situ 'no entry' jalan alternatif itu, sudahlah teruk, jalan hendak masuk pula tidak boleh. Jadi terpaksa ikut bayar tol juga.

Ini satu perkara yang rasa saya tidak patut berlaku, kalau sudah ada alternative road dengan izin kita biarkanlah begitu. Kalau teruk sekalipun tidak apa, biar jalan boleh digunakan juga. Tapi, saya sokonglah kalau dapat peruntukan lebih sedikit tetapi dalam keadaan sekarang hendak berucap pun, Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu bersemangat sekarang ini, kalau hendak minta duit sudah tak ada, minta lagi. Jadi, kalau boleh juga peruntukan patutlah diberi untuk dibaiki alternative road, sekurang-kurang dari Janda Baik ke Bentong.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, saudara saya itu, memang benarlah pada satu ketika memang dia tidak boleh masuk, fasal dia tengah memperbaiki jalan MTD ini, jadi kebanyakan mesin-mesin besar diletakkan di jalan lama, dia blok semua, habis. Jadi, cuba bayangkan kerajaan menerusi Menteri yang bersangkutan...

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memanglah jalan ini kalau hendak dibaiki adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat, kalau jalan-jalan besar jalan, lebuh raya ini, tapi Yang Berhormat sebut tadi jalan ini kebetulannya melintasi jalan negeri Pahang, daripada Bentong masuk Lipis, kawasan Raub Yang Berhormat Dato' Zuki ini, orang pun tidak berapa ramai di sini. Saya hendak tanya Yang Berhormat walaupun jalan ini tugas Kerajaan Pusat, tanggungjawab Kerajaan Pusat mengeluarkan peruntukan tapi negeri Pahang terkenal, negeri yang masyhur, negeri besar, orang besar, serba serbi besar, Tuan Yang di-Pertua, orang Pahang ini, jadi punya hebat, hutan balak pun banyak.

Kalau saya cadangkan pada Yang Berhormat berdualah supaya mencadangkan kepada kerajaan Pahang oleh kerana Pahang ini kaya hasil balak pun banyak, orang tebang balak pun banyak. Jadi, kenapa tidak kerajaan Pahang pada masa yang sama selain daripada menunggu peruntukan Kerajaan Pusat kerajaan negeri pun buat sama. Saya rasa itu cara untuk mengatasi supaya sekurang-kurangnya jalan daripada Bentong ke Gua Musang itu dibina oleh kerajaan negeri dan mungkin dibantu sedikit oleh Kerajaan Pusat. Saya hendak tanya macam mana pandangan Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya mengucapkan terima kasihlah pandangan-pandangan yang diberi itu. Sebenarnya jalan ini ialah jalan Persekutuan untuk menghubungi bandar-bandar utama tiap-tiap negeri termasuk negeri Kelantan, itu jalan Persekutuan tetapi kerajaan negeri pun mempunyai jalan-jalannya sendiri dan ini sentiasa dijalankan sungguhpun kita tidak ada minyak, macam negeri jiran kita tetapi jalan kecil di kawasan-kawasan tertentu terus diadakan. Saya diberitahu juga selain daripada jalan Gombak ke Bentong ini, jalan alternatif yang teruk ini, saya diberitahu jalan alternatif Kuala Lumpur-Kajang pun sudah tidak ada. Ini, kita minta pihak kerajaan mengkaji semulalah dasar mewujudkan lebuh raya bayar tol dengan pilihan pengguna dengan jalan alternatif. Jadi, kalau jalan alternatif sudah tidak ada, kita cuba fikirkan pula formula baru bagaimana hendak mengurangkan tol itu supaya orang yang dinafikan jalan alternatif ini dapat menggunakan tol dengan harga yang berpatutan, itu

maksud saya, matlamatnya untuk hendak mengurangkan bayaran tol kerana tidak adanya alternative road. Kalau ada jalan alternatif yang sesuai, yang baik, bangun lagi [*ketawa*].

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya fikir Yang Berhormat, kalau kita izinkan jalan alternatif memanglah kerajaan hendak menyimpan jalan alternatif. Tapi, saya pun fikir sama juga dengan fikiran Yang Berhormat, sebab saya tidak setuju bayaran tol ini tinggi, membebankan rakyat, tetapi kalau kita adakan jalan alternatif, contoh sekarang ini kita tengok Lebuhraya Utara-Selatan sudah ada, ini hendak buat lebuhraya dari Karak sampai ke Kelantan dan kos dijalankan secara penswastaan. Kos itu tidak murah, beribu juta ringgit. Jadi kalau ada jalan alternatif, buat jalan, orang tak guna pula macam mana. Jadi, mestilah dialih supaya semua orang mengguna jalan-jalan ini. Contohnya, katalah hendak buat jalan ke Bentong-Lipis tadi, bukit-bukau, Tuan Yang di-Pertua, teruk jalan di Lipis ke Bentong ini, lebih teruk daripada Gua Musang kawasan ini, jalan hendak masuk, saya tahu sebab saya selalu balik ikut jalan ini. Tidak sedikit belanjanya, cukup banyak makan beratus-ratus juta-juta ringgit. Jadi, kalau kita membuat jalan itu elok, hendak jalan elok, pada masa yang sama ada jalan alternatif, dia tidak akan jadi viable. Pihak swasta mana yang hendak melaksanakan projek ini? Yang Berhormat seorang economist, seorang banker, cuba kalau boleh Yang Berhormat memberi pandangan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fahamlah pendapat saudara saya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali, tadi dia setuju sangat untuk hendak menentukan supaya rakyat jelata mendapat pilihan dalam keadaan kegawatan ekonomi ini. Sekarang ini tidak menyokong pula dah, jadi cepat sangat berubah [*Ketawa*] antara satu pendapat dengan pendapat yang lain. Kalau inilah caranya amat susahlah kita hendak menjalankan dasar-dasar untuk kegunaan rakyat ini, jadi macam mana pula benda ini boleh berubah dengan begitu cepat ini.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak berubah sebab saya hendak mendapat pandangan Yang Berhormat, sebab saya tahu Yang Berhormat ini ahli fikir. Jadi, tentulah Yang Berhormat boleh meyakinkan, sebab saya ada jawapan,

tapi saya hendak sebut perkara ini supaya Yang Berhormat jawab, saya hendak tengok pandangan Yang Berhormat sama ada bolehkah Yang Berhormat beri jawapan secara akademik, walau macam mana pun masa sudah cukup. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup, boleh sambung besoklah.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Besok tak ada mesyuarat Dewan, ya, hari Isnin. Sambung mulai hari Isnin.

Majlis ditangguhkan sehingga hari Isnin, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

